



BAB 4

ANALISIS *TARBIYYAH HARAKIYYAH* BERASASKAN AYAT-AYAT MAKKI

4.1 Pengenalan

Tugas yang dipikul oleh Rasulullah SAW dalam menyebarluaskan Risalah Allah SWT, bukan merupakan suatu tugas yang mudah. Pelbagai rintangan dan halangan yang terpaksa dilalui oleh baginda SAW dalam menyampaikan dakwah. Dengan ketabahan dan kesabaran, baginda SAW berjaya menyeru kaumnya kepada Islam walaupun bilangan mereka tidak begitu ramai. Tiga belas tahun merupakan tempoh yang sangat penting bagi Rasulullah SAW membina, membentuk dan menyediakan para pengikutnya supaya menjadi umat yang beriman, mampu memikul tugas dakwah dan menyebarluaskannya ke seluruh alam.

Persoalannya, apakah rahsia di sebalik kejayaan baginda, adakah baginda SAW mempunyai pusat pendidikan atau sekolah yang digunakan sebagai landasan untuk menyampaikan pelajaran serta bimbingannya? Apakah rumah “*Dār al-*

Arqām" yang digunakan oleh baginda SAW merupakan sekolah atau institusi pendidikan yang digunakan oleh baginda SAW untuk mendidik para sahabatnya?¹⁸⁶

Pengertian yang sempit dari perkataan sekolah jelas mengeluarkan *Dār al-Arqām* dari pengertian tersebut. Walau bagaimanapun hakikatnya ia merupakan sekolah terbesar yang pernah diketahui oleh sejarah. Justeru itu, ia berjaya melahirkan tokoh-tokoh yang kemudiannya telah memainkan peranan besar dalam perubahan antarabangsa yang pernah diketahui oleh manusia.¹⁸⁷

Rentetan itu, dalam bab ini penulis akan membuat analisis terhadap ciri-ciri *Tarbiyyah Ḥarakiyyah* yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di Mekah dengan sokongan ayat-ayat *Makkī*. Analisis ini dibuat berdasarkan kepada ciri-ciri, objektif dan *manhaj Tarbiyyah Ḥarakiyyah*, sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab ketiga.

¹⁸⁶ Muhammad Syadid (1993), *Manhaj al-Qur'an fi al-Tarbiyyah*. T.P.: Dar al-Tawzī' wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, h. 60.

¹⁸⁷ *Ibid.*

Terdapat lima ciri yang menjadi asas kekuatan dan keistimewaan *Tarbiyyah Ḥarakiyyah* yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di Mekah. Ianya merupakan rumusan daripada ciri-ciri, objektif dan *manhaj* *Tarbiyyah Ḥarakiyyah* yang dibincangkan sebelum ini. Dalam bahagian ini, penulis akan membuat huraian dan penjelasan terhadap kelima-lima ciri tersebut dan diperkuuhkan oleh ayat-ayat *Makkī* yang menjadi asas kepada *Tarbiyyah Ḥarakiyyah*. Ciri-ciri tersebut ialah:

4.2.1 Tarbiah yang bersifat Rabbani

Tarbiyyah Ḥarakiyyah yang dilaksanakan oleh baginda SAW di Mekah merupakan tarbiah yang berasaskan kepada *manhaj* atau Rabbani. Sumbernya adalah kalimah-kalimah Allah SWT yang tidak diselewengkan oleh sebarang penyelewengan manusia. Sebaliknya, Islam adalah *manhaj* yang unik. Sumbernya bebas dari sebarang campur tangan dan penyelewengan manusia. Ini kerana Allah SWT sentiasa memelihara al-Qur'an daripada sebarang penambahan, pengurangan dan penyelewengan. Sebagaimana firman Allah SWT:¹⁸⁸

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْكِتَابَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ (٩)
Surah al-Hijr (15): 9.

¹⁸⁸ Yusuf al-Qarađāwī (1977), *Al-Khaṣā'iṣ al-‘Ammah li al-Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 36.

Maksudnya:

"Sesungguhnya Kami-Lah yang menurunkan al-Quran, dan Kami-Lah yang memelihara dan menjaganya".

Manhaj atau sistem Rabbani yang dimiliki oleh Islam ini merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia sama ada akidah, ibadah, akhlak dan perundangan. Melalui *manhaj* ini, Rasulullah SAW berjaya membentuk dan mendidik para sahabatnya sehingga menjadi umat yang terbaik dan menjadi teladan sepanjang zaman. Kesemua aspek yang mempunyai ciri-ciri Rabbani adalah seperti berikut:

4.2.1(a)] Akidah *Rabbaniyyah*

Akidah Islam merupakan akidah *Rabbaniyyah* yang berasal dari kalam Allah SWT, yang tiada sebarang kebatilan padanya. Ia bersumberkan *al-Qur'ān al-Karīm* dan dijelaskan pula kandungannya oleh hadis-hadis sahih.¹⁸⁹ Oleh itu, tiada sesiapapun berhak membuat sebarang penambahan atau pengubahan padanya. Setiap penambahan atau pengubahan adalah ditolak.¹⁹⁰ Firman Allah SWT:

¹⁸⁹ Yūsuf al-Qaradāwī (1977), *op.cit.*, h. 37.

¹⁹⁰ Yūsuf al-Qaradāwī (1998), *Al-Imān wa al-Hayāt*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, c. 19, h. 39.

وَمَا كَانَ هَذَا الْقُرْآنُ أَنْ يُفْتَرَى مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ
وَتَفْصِيلَ الْكِتَابِ لَا رَبَّ فِيهِ مِنْ رَبَّ الْعَالَمِينَ (٣٧) أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ قُلْ
فَأُلْهَى بِسُورَةٍ مِثْلِهِ وَادْعُوا مِنْ أَسْطُوعِهِ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ
صَادِقِينَ (٣٨)

Surah Yūnus (10): 37-38.

Maksudnya:

"Dan bukanlah al-Qur'an ini sesuatu yang boleh diada-adakan oleh yang lain dari Allah SWT; tetapi al-Qur'an itu diturunkan oleh Allah SWT untuk membenarkan Kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya, dan untuk menjelaskan satu persatu hukum-hukum syarak yang diwajibkan atas kamu. Tidak ada sebarang syak dan ragu-ragu pada al-Qur'an itu tentang datangnya dari Allah SWT, Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam. (Orang-orang kafir tidak mengakui hakikat yang demikian itu) bahkan mereka mengatakan: "Dialah (Muhammad) yang mengada-adakan al-Qur'an menurut rekaannya". Katakanlah (wahai Muhammad): "Kalau demikian, datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Qur'an itu, dan panggillah siapa sahaja yang kamu dapat memanggilnya, yang lain dari Allah SWT (untuk membantu kamu), jika betul kamu orang-orang yang benar!".

Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW, sebagaimana sabdanya:

مَنْ أَخْدَثَ فِيْ أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ

Maksudnya:

"Barangsiapa mengada-ngadakan dalam urusan (agama) kami ini suatu pekerjaan yang tiada daripadanya, maka (yang diadakan) itu tertolak".¹⁹¹

Al-Qur'an juga telah menempelak tindakan ini dengan berkata:

أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَّعُوا لَهُمْ مِنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنْ بِهِ اللَّهُ وَلَوْلَا كَلِمَةُ الْفَصْلِ
لَقُضِيَ بِتِبْيَهِمْ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ (٤٢)
Surah al-Syūrā (42): 21.

Maksudnya:

"Patutkah mereka mempunyai sekutu-sekutu yang menentukan mana-mana bahagian dari agama mereka sebarang undang-undang yang tidak diizinkan oleh Allah SWT? Dan kalaularah tidak kerana kalimah ketetapan yang menjadi pemutus (dari Allah SWT, untuk menangguhkan hukuman hingga ke suatu masa yang tertentu), tentulah dijatuhkan azab dengan serta-merta kepada mereka (yang berbuat demikian). Dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan beroleh azab seksa yang tidak terperinci sakitnya".

Akidah *Rabbaniyyah* juga merupakan akidah yang tidak asing dan tidak bertentangan dengan fitrah, bahkan ia sepadan dengan fitrah manusia sepertimana

¹⁹¹ Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalānī (1987). *Fatḥ al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Ṣulḥ. Bāb Idhā Iṣṭalāḥū 'Alā Ṣulḥ Jawr fa al-Ṣulḥ Mardūd, no. hadis 3697. Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, j. 5, c. 3, h. 355.

kunci yang ditempah sepadan dengan mangganya yang kukuh.¹⁹² Oleh kerana itu, metode al-Qur'an yang pertama dalam mendidik jiwa ialah dengan mengembalikannya kepada fitrah semulajadi yang suci. Dengan kata lain, membersihkannya daripada kekotoran warisan, persekitaran serta kepercayaan karut marut dan ikutan. Asas fitrah semulajadi tersebut ialah "tauhid" (mengesakan Allah SWT). Jiwa itu dijadikan dengan mengenali Tuhan-Nya tetapi kadang-kadang ia terhalang untuk sampai kepadanya disebabkan oleh kejahilan, persekitaran dan ikutan. Walau bagaimanapun dalam jiwa itu tidak dapat menafikan keesaan Allah SWT,¹⁹³ sebagaimana firman-Nya:

وَإِذْ أَخْدَرْتَ رِبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ وَأَشْهَدْهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ
الْأَنْتَ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهَدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا
غَافِلِينَ (١٧٢) أَوْ تَقُولُوا إِنَّمَا أَشْرَكَ أَبَاوْنَا مِنْ قَبْلٍ وَكُنَّا ذُرَّيْهُ مِنْ بَعْدِهِمْ
أَفَهُلْكُنَا بِمَا فَعَلَ الْمُبْطَلُونَ (١٧٣)
Surah al-A'rāf (7): 172-173.

Maksudnya:

"Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan la jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil la bertanya dengan firman-Nya): "Bukankah Aku tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini". Atau supaya kamu tidak mengatakan: "Sesungguhnya ibu bapa kami lahir

¹⁹² Yusuf.al-Qarađāwī (1996), *Mađkhal li Ma'rifah al-İslām Muqawwamātuḥ Khasā'iṣuḥ Ahdāfiḥ Maṣādiruh*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 57.

¹⁹³ Syadid (1993), *op.cit.*, h. 60.

melakukan syirik dahulu sedang kami ialah keturunan (mereka) yang datang kemudian daripada mereka. Oleh itu, patutkah Engkau (wahai Tuhan kami) hendak membinasakan kami disebabkan perbuatan orang-orang yang sesat itu?"

4.2.1(b)] Ibadah *Rabbaniyyah*

Ibadah Islam merupakan ibadah *Rabbaniyyah*. Wahyu Ilahilah yang menggambarkan perlaksanaan ibadah, menentukan bentuk, rukun, syarat dan menentukan masa dan tempat dalam perkara yang berkaitan dengannya.¹⁹⁴ Tiada seorang manusia pun sekalipun dia seorang mujahid atau setinggi manapun kedudukan keilmuan dan ketakwaannya, dibolehkan mencipta bentuk dan cara tersendiri untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Sebaliknya tindakap ini, dianggap sebagai perlanggaran pemilik hak yang hanya satu-satunya dalam pokara ini, iaitu Allah SWT sebagai pemilik makhluk dan urusan.¹⁹⁵

Oleh itu, sesiapa yang melakukan perlanggaran tersebut, bermakna dia telah membuat syariat baru tanpa sebarang keizinan daripada Allah SWT. Tindakannya dianggap bid'ah dari sesat. Amalannya ditolak sepetimana pengurup wang menjolak wang palsu. Firman Allah SWT:

¹⁹⁴ Ramli Awang (1997), *Tasawwur Rabbani Memurut al-Qur'an dan al-Sunnah*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi Sdn. Bhd., h. 170.

¹⁹⁵ Al-Qaradawī (1996), *op.cit.*, h. 140.

إِنَّمَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ أُوْثَانِي وَتَخْلُقُونَ إِفْكًا إِنَّ الَّذِينَ تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ
اللَّهِ لَا يَمْلِكُونَ لَكُمْ رِزْقٌ فَاتَّقُوا عِنْدَ اللَّهِ الرِّزْقَ وَاعْبُدُوهُ وَاشْكُرُوا لَهُ إِلَيْهِ
رُجُوعُونَ (١٧)

Surah al-Ankabüt (29): 17.

Maksudnya:

"Kamu hanyalah menyembah berhala-berhala yang diperbuat oleh orang, tidak menyembah Allah SWT yang mencipta segala-galanya, dan kamu hanya mengadakan penyembahan yang dusta. Sesungguhnya mereka yang kamu sembah yang lain dari Allah SWT itu, tidak berkuasa memberi rezeki kepada kamu; oleh itu carilah rezeki dari sisi Allah SWT, dan sembahlah akan Dia, serta bersyukurlah kepada-Nya; (ingatlah), kepada Allah SWT jualah kamu akan dikembalikan".

Sila lihat surah al-Anām (6): 56. Dalam bidang ibadah, terdapat dua prinsip besar yang tidak boleh diremehkan iaitu:¹⁹⁶

- i. Tidak boleh beribadah selain daripada Allah SWT.

Umat Islam tidak dibenarkan menyembah sesiapa dan sesuatu pun selain daripada Allah SWT. Biar apa pun keadaan, sama ada di bumi atau di langit, berakal atau tidak berakal. Ini merupakan kehendak *Rabbaniyyah* dalam matlamat dan halatuju.¹⁹⁷ Firman Allah SWT:

¹⁹⁶ Al-Qaraḍāwī (1996), *op.cit.*, h. 140.

¹⁹⁷ Al-Qaraḍāwī (1977), *op.cit.*, h. 39.

وَأَعْتَرُكُمْ وَمَا تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَأَذْغُرُ رَبَّيْ عَسَى أَلَا أَكُونَ بِدُعَاءِ رَبِّي
شَقِّاً (٤٨)
Surah Maryam (19): 48.

Maksudnya:

"Dan aku akan membawa diri meninggalkan kamu semua serta apa yang kamu sembah yang lain dari Allah SWT; dan aku akan beribadah kepada Tuhanmu dengan ikhlas; mudah-mudahan aku dengan ibadahku kepada Tuhanmu itu tidak menjadi hampa (dan derhaka seperti kamu)".

ii. Menyembah Allah SWT mengikut apa yang disyariatkan

Apa yang disyariatkan oleh Allah SWT hanya boleh diketahui melalui para Rasul yang menyampaikan risalah-Nya. Rasul yang terakhir iaitu Nabi Muhammad SAW yang mana syariat yang dibawa oleh baginda SAW telah menghapuskan syariat sebelumnya. Baginda SAW telah membawa syariat yang ditetapkan oleh Allah SWT akan keabdiannya dan Allah SWT sentiasa menjaganya sehingga ke hari kiamat.¹⁹⁸

Oleh itu, segala sesuatu yang bukan syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW adalah hawa nafsu semata-mata. Dengan itu, ia tertolak sekalipun dilakukan dilakukan atas niat yang baik serta dorongan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Namun, niat semata-mata tidak akan memberi sifat

¹⁹⁸ Al-Qaradāwī (1977), *op.cit.*, h. 39.

penerimaan selagimana ia tidak berlaku dalam bentuk yang telah disyarakkan melalui nas yang pasti. Justeru itu, amalan yang diterima mesti mempunyai dua rukun iaitu mestilah ikhlas kepada Allah SWT dan dilakukan dalam bentuk yang diajarkan oleh Rasulullah SAW.¹⁹⁹ Firman Allah SWT:

فَادْعُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لِهُ الدِّينَ وَلَا كُرْبَةَ الْكَافِرُونَ (١٤)

Surah Ghāfir (40): 14.

Maksudnya:

"Oleh itu maka sembahlah kamu akan Allah SWT dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya (dan menjauhi syirik), sekalipun orang-orang kafir tidak menyukai (amalan kamu yang demikian)".

Firman-Nya lagi:

وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ إِلَّا لِتَبَيَّنَ لَهُمُ الَّذِي اخْتَلَقُوا فِيهِ وَهُدًى وَرَحْمَةً

لِقَوْمٍ يُّنَاهَىٰ (٦٤)

Surah al-Nahl (16): 64.

Maksudnya:

"Dan tiadalah Kami menurunkan al-Qur'an kepadamu (wahai Muhammad) melainkan supaya engkau menerangkan kepada mereka akan apa yang mereka berselisihan padanya; dan supaya menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman".

Sila lihat surah al-Anām (6): 90 dan surah al-A'rāf (7): 29.

¹⁹⁹ Al-Qarādāwī (1996), *op.cit.*, h. 141.

4.2.1(c)] Akhlak *Rabbaniyyah*

Akhlik Islam adalah akhlak *Rabbaniyyah*. Ini bermakna, wahyu Ilahilah yang meletakkan asas-asasnya serta menentukan prinsip-prinsip yang perlu untuk menjelaskan identiti dan imej Islam agar ia menjadi sempurna dan istimewa dari segi lahir mahupun batin. Prinsip-prinsip tersebut jugalah yang menjelaskan hala dan jalur yang harus diikuti oleh manusia.²⁰⁰

Oleh itu, didapati di dalam al-Qur'an terutamanya dalam ayat-ayat *Makkī* sendiri telahpun melakarkan asas-asas utama adab dan akhlak muslim seperti berbuat baik kepada kedua ibu bapa terutama apabila salah seorang dari mereka atau kedua-duanya sudah lanjut usia, berbaik dengan kaum kerabat, memelihara anak-apak yatim, menghormati jiran yang mempunyai talian kerabat, jiran bukan kerabat, teman karib, *ibn sabil*, pelayan, memberi perhatian kepada fakir miskin, membebaskan hamba, berkata benar, ikhlas dalam amalan, merendahkan pandangan serta memelihara kehormatan diri dan sebagainya.²⁰¹ Contohnya, firman Allah SWT dalam ayat berikut:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالدَّيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهُنَّ عَلَىٰ وَهُنْ وَفِصَّالُهُ فِي عَامَيْنِ أَنْ
اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ (١٤)

Surah Luqmān (31): 14.

²⁰⁰ Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 141.

²⁰¹ *Ibid.*

Maksudnya:

"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Aku-Lah juga tempat kembali (untuk menerima balasan)".

4.2.1(d)] Perundangan *Rabbaniyyah*

Perundangan Islam yang menyusun kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan negara adalah perundangan *Rabbaniyyah*. Ini bermaksud *Rabbaniyyah* dari segi dasar, prinsip dan hukum-hakam yang mengatur kehidupan manusia, membina hubungan antara individu-individu serta masyarakat-masyarakat hendaklah menurut kaedah dan prinsip yang dikehendaki oleh Allah SWT.²⁰² Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَبَيَّنَ أَهْوَاءُ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ
(١٨)

Surah al-Jāthiyah (45): 18.

Maksudnya:

"Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka turutlah syariat itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar)".

²⁰² Al-Qarādāwī (1996), *op.cit.*, h. 142.

Sila lihat surah al-Syūrā (42): 13.

Ini merupakan keistimewaan utama kepada perundangan Islam berbanding dengan perundangan-perundangan lain sama ada yang klasik atau moden. Ia merupakan perundangan yang unik kerana tunggaknya adalah wahyu Allah SWT dan kalimah-kalimah-Nya yang terhindar daripada sebarang kesalahan dan kezaliman.²⁰³ Firman Allah SWT:

وَتَمَتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَا مُبْدِلَ لِكَلِمَاتِهِ وَهُوَ السَّمِيعُ

الْغَلِيمُ (١١٥)

Surah al-Anām(6):115.

Maksudnya:

“Dan telah sempurnalah Kalimah Tuhanmu (al-Quran, meliputi hukum-hukum dan janji-janji-Nya) dengan benar dan adil; tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari Kalimah-kalimah-Nya; dan Dia-Lah yang sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Mengetahui”.

Oleh yang demikian, sudah menjadi asas Islam yang penting bahawa pencipta syariat adalah Allah SWT. Dia-Lah yang memerintah, milarang, menghalalkan, mengharamkan, mentaklif dan mewajib berdasarkan *Rububiyyah-Nya* dan *Uluhiyyah-Nya* serta kerajaan-Nya yang meliputi semua makhluk. Dia adalah Rabb manusia, Raja manusia dan Tuhan manusia. Dia memiliki segala

²⁰³ Al-Qarađāwī (1977), *op.cit.*, h. 43.

فُلْ إِنَّمَا حَرَمَ رَبِّي الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا يَبْطَلُ وَالْإِثْمُ وَالْبَغْيُ بَغْيُ الرَّحْقَ
وَأَنْ شَرِّكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنْزَلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ

(٣٣)

Surah al-A'raf (7): 33.

Maksudnya:

"Katakanlah: "Sesungguhnya Tuhanmu hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi; dan perbuatan dosa; dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar; dan (diharamkan-Nya) kamu memperseketukan sesuatu dengan Allah SWT sedang Allah SWT tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya); dan (diharamkan-Nya) kamu memperkatakan terhadap Allah SWT sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya".

Sila lihat surah al-An'ām (6): 151.

Dengan ini jelaslah bahawa tarbiah yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di Mekah adalah tarbiah yang agung kerana ia berpaksikan kepada wahyu Ilahi yang sentiasa terpelihara kesuciannya, bersesuaian dengan fitrah semulajadi manusia, lengkap, sempurna dan jelas dari segi tuntutan dan peraturannya.

Ini, terbukti melalui sifat tarbiah itu sendiri yang bersifat *Rabbaniyyah* baik dari aspek akidah, ibadah, akhlak dan perundangan Islam. Malah melalui tarbiah ini, ianya telah memberi impak yang besar dan pelbagai faedah kepada jiwa dan kehidupan para sahabat baginda SAW serta kepada umatnya hari ini. Antara kesan dan faedah *Rabbaniyyah* tersebut ialah:

a) Mengetahui matlamat hidup

Manusia dapat mengetahui bahawa kewujudannya mempunyai matlamat, misi dan perjalanan hidup tertentu. Lantaran itu, dia akan merasai nilai, erti dan kebahagiaan hidup. Malah merasakan bahawa dirinya bukanlah satu zarah kecil yang berterbangan di udara dan bukan juga makhluk liar yang meraba-raba di dalam kegelapan seperti mereka yang ingkar serta meragui kewujudan Allah SWT. Mereka tidak akan tahu: “Kenapakah mereka wujud? Kenapakah mereka hidup? Kenapakah mereka mati?”²⁰⁷ Firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ (٥٦) مَا أَرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ رِزْقٍ وَمَا
أَرِيدُ أَنْ يُطْعَمُونِ (٥٧)

Surah al-Dhāriyāt (51): 56-57.

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepada-Ku. Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka, dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepada-Ku”

Ayat di atas menjelaskan kepada manusia hakikat kewujudannya di muka bumi ini dengan digariskan matlamat yang tertentu serta telah diatur segala kehidupannya di alam ini. Selaras dengan matlamat tersebut kehidupan ini merupakan ibadah yang

²⁰⁷ Al-Qarađāwī (1996), *op.cit.*, h. 134-135.

berterusan. Apabila gambaran tersebut menaungi manusia dengan menjadikan kehidupannya semata-mata untuk Allah SWT, sudah tentu segala perbuatan dan percakapannya menjadi ibadah.²⁰⁸

Malahan al-Qur'an menjelaskan bahawa segala ciptaan di langit dan di bumi adalah bertujuan supaya manusia dapat mengenal Tuhan mereka yang Maha Berkuasa dan Maha mengetahui segala-galanya. Makrifat inilah yang menjadi pintu segala petunjuk dan kunci segala kebenaran.²⁰⁹ Firman-Nya lagi:

إِنَّ فِي اخْلَافِ الْأَيَّلِ وَالثَّهَارِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَلَّا يَعْلَمُ
لِقَوْمٍ يَتَّقُونَ (٦)

Surah Yūnus (10): 6.

Maksudnya:

"Sesungguhnya pada pertukaran malam dan siang silih berganti, dan pada segala yang dijadikan oleh Allah SWT di langit dan di bumi, ada tanda-tanda (yang menunjukkan undang-undang dan peraturan Allah SWT) kepada kaum yang mahu bertakwa".

Justeru itu, manusia perlulah mengambil iktibar disebalik ciptaan Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT menciptakan segala yang ada di langit dan di bumi adalah untuk memberi kemudahan kepada manusia dalam memakmurkan alam

²⁰⁸ Syadid (1994), h. 93

²⁰⁹ Ibid

ini.²¹⁰ Firman Allah SWT:

أَلْمَ تَرَوُا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْتَعِنُ عَلَيْكُمْ
نِعْمَةٌ ظَاهِرَةٌ وَبَاطِنَةٌ وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا
كِتَابٍ مُّبِينٍ (٢٠)

Surah Luqmān (31): 20.

Maksudnya:

"Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah SWT telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan telah melimpahkan kepada kami nikmat-nikmat-Nya yang zahir dan yang batin? Dalam pada itu, ada di antara manusia orang yang membantah mengenai (sifat-sifat) Allah SWT dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan atau sebarang petunjuk; dan tidak juga berdasarkan mana-mana Kitab Allah SWT yang menerangi kebenaran".

b) Mengikut panduan fitrah

Antara faedah *Rabbaniyyah* ialah manusia akan berpandukan kepada fitrahnya sebagaimana yang diciptakan oleh Allah SWT berdasarkan fitrah tersebut. Fitrah tersebut menuntut supaya seseorang itu beriman kepada Allah SWT dan tidak menggantikan-Nya dengan sesuatu yang lain.²¹¹ Firman Allah SWT:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلَّذِينَ خَيَّفَهُمْ فَطْرَةُ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقٍ
اللَّهُ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيْمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ (٣٠)

Surah al-Rūm (30): 30.

²¹⁰ Al-Qaradāwī (1977), *op.cit.*, h. 9.

²¹¹ Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 135.

Maksudnya:

“(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah ugama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah SWT, iaitu agama yang Allah SWT menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah SWT itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”.

Oleh itu, hubungan manusia dengan fitrah bukanlah sesuatu yang mudah diperolehi. Sebaliknya, ia adalah hasil kurniaan Allah SWT yang amat berharga. Melaluinya, manusia akan hidup sejahtera, harmoni, bahagia dan aman. Begitu juga dengan alam, keseluruhannya bermatlamatkan *Rabbaniyyah* serta sentiasa bertasbih memuji Allah SWT,²¹² sebagaimana firman-Nya:

تُسَبِّحُ لِهِ السَّمَاوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ
بِحَمْدِهِ وَلَكَنْ لَا يَقْعُدُونَ تَسْبِيحَهُمْ إِنَّهُ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا (٤)
Surah al-Isrā' (17): 44.

Maksudnya:

“Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya, sentiasa mengucap tasbih bagi Allah SWT; dan tiada sesuatupun melainkan bertasbih dengan memuji-Nya; akan tetapi kamu tidak faham akan tasbih mereka. Sesungguhnya Ia adalah Maha Penyabar, lagi Maha Pengampun”.

Bukti tentang fitrah menunjukkan bahawa manusia secara semulajadinya berhajat kepada kuasa tertentu. Bimbingan dan ketenangan merupakan kehendak

²¹² Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 135.

perasaan yang mendalam dalam diri manusia. Semua fenomena penyembahan serta pemujaan selain daripada Allah SWT adalah sebagai memenuhi tuntutan perasaan tersebut serta tindak balas kepada perasaan semulajadi. Tetapi ia telah menyeleweng dari jalan lurus dan cara yang benar. Ini jelas apabila manusia ditimpa kecelakaan serta kesengsaraan, maka tercetuslah dalam hatinya penumpuan kepada kuasa semulajadi, bergantung kepada-Nya dan memohon dari-Nya.²¹³ Firman Allah SWT:

وَإِذَا مَسْكُمْ الضُّرُّ فِي الْبَحْرِ حَلَّ مَنْ تَدْعُونَ إِلَّا إِيَّاهُ فَلَمَّا نَجَّاكُمْ إِلَى النَّرِ
أَغْرَضْتُمْ وَكَانَ الْإِنْسَانُ كَفُورًا (٦٧)
Surah al-Isrā' (17): 67.

Maksudnya:

"Dan apabila kamu terkena bahaya di laut, (pada saat itu) hilang lenyaplah (dari ingatan kamu) makhluk-makhluk yang kamu seru selain dari Allah SWT; maka apabila Allah SWT selamatkan kamu ke darat, kamu berpaling tадah (tidak mengingati-Nya); dan memanglah manusia itu sentiasa kufur (akan nikmat-nikmat Allah SWT)."

Seorang lelaki telah bertanya kepada Ja^cfar al-Šādiq mengenai Allah SWT. Maka kata Ja^cfar, "Pernahkah kamu belayar di lautan?" Jawab orang itu: "Ya". Maka kata Ja^cfar, "Pernahkah kamu dilanda taufan?" Jawabnya: "Ya". Maka kata Ja^cfar lagi, "Apakah pada waktu itu terlintas dalam hati kamu bahawa di sana ada

²¹³ Syadid (1993), *op.cit.*, h. 61.

yang dapat menyelamatkan engkau kalau ia kehendaki?”. Maka jawab orang itu: “Ya”. Maka kata Ja^cfar: “Itulah Allah SWT”²¹⁴

Firman Allah SWT lagi:

هُوَ الَّذِي يُسِيرُكُمْ فِي الْأَرْضِ وَالْبَحْرِ حَتَّىٰ إِذَا كُنْتُمْ فِي الْقُلُكِ وَجَرَيْتُمْ بِهِمْ
بِرِيحٍ طَيِّبَةٍ وَفَرَحُوا بِهَا جَاءَتْهَا رِيحٌ عَاصِفٌ وَجَاءَهُمْ الْمَوْجُ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ
وَظَاهَرُوا أَنَّهُمْ أَحْيَطُ بِهِمْ ذَعْوًا اللَّهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ لِئَنَّ الْجِنَّا تَمِّنُ هَذِهِ
لَنْكُونَنَّ مِنَ الشَّاكِرِينَ (٢٢)

Surah Yūnus (10): 22.

Maksudnya:

“Dia-Lah yang menjalankan kamu di darat dan di laut (dengan diberi kemudahan menggunakan pelbagai jenis kenderaan); sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera, dan bahtera itu pula bergerak laju membawa penumpang-penumpangnya dengan tiupan angin yang baik, dan mereka pun bersukacita dengannya; tiba-tiba datanglah kepadanya angin ribut yang kencang, dan mereka pula didatangi ombak menimpa dari segala penjuru, serta mereka percaya bahawa mereka diliputi oleh bahaya; pada saat itu mereka semua berdoa kepada Allah SWT dengan mengikhlaskan kepercayaan mereka kepada-Nya semata-mata (sambil merayu dengan berkata): “Demi sesungguhnya! jika Engkau (Ya Allah) selamatkan kami dari bahaya ini, kami tetap menjadi orang-orang yang bersyukur”.

Hakikatnya, fitrah manusia kosong tanpa dipenuhi ilmu pengetahuan. Ia hanya dipenuhi dengan keimanan kepada Allah SWT. Manusia menurut hukum fitrah dan peraturan alam hanya untuk Allah SWT, bukan untuk yang lain dan beribadah

²¹⁴ Syadid (1993), *op.cit.*, h. 62.

kepada-Nya sahaja. Semua jenis ibadah terhadap yang lain selain dari Allah SWT adalah rekaan dan hasutan syaitan yang menjadi musuh kepada manusia.²¹⁵

c) Kesejahteraan jiwa dari sebarang keretakan dan konflik dalaman

Antara faedah dan kesan *Tarbiyyah Rabbaniyyah* ini juga ialah manusia dapat menyelamatkan jiwanya dari keretakan dan konflik dalaman. Islam telah merumuskan hala tuju manusia kepada satu matlamat sahaja iaitu mencari keredaan Allah SWT. Islam juga menyimpulkan keazaman manusia kepada satu tekad iaitu beramal menurut apa yang direndai oleh Allah SWT.²¹⁶

Firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّمَا هَذَا نِيَرٌ إِلَى صِرَاطِ مُسْتَقِيمٍ دِينًا قَيْمًا مَلَةً إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ
مِنَ الْمُشْرِكِينَ (١٦١) قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَسُكُونِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ (١٦٢) لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ (١٦٣)
قُلْ أَغْيِرُ اللَّهَ أَغْيَرِي رَبِّي وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ وَلَا تَكُسْبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا
وَلَا تَغُرُّ وَازِرَةٌ وَزُرُّ أُخْرَى ثُمَّ إِلَى رَبِّكُمْ مَرْجِعُكُمْ فَيَكُسْبُ بِمَا كُسْبَ فِيهِ
تَحْتَلِفُونَ (١٦٤)

Surah al-An‘ām (6): 161-164.

²¹⁵ Yusuf Al-Qaradawi (1978), *Ibadah Dalam Islam*, Hasan Idris (terj.) . Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 12.

²¹⁶ Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 135-136.

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku telah diberikan petunjuk hidayah oleh Tuhanmu ke jalan yang betul lurus, (kepada) agama yang tetap teguh, iaitu agama Nabi Ibrahim yang ikhlas, dan tiadalah ia dari orang-orang musyrik". Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadahku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah SWT Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya, dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, dan aku (di antara seluruh umatku) adalah orang Islam yang awal pertama-(yang berserah diri kepada Allah SWT dan mematuhi perintah-Nya)". Katakanlah: "(Sesudah aku mentauhidkan Allah SWT dan berserah diri kepadaNya) patutkah aku mencari Tuhan selain Allah SWT, padahal Dia-Lah Tuhan bagi tiap-tiap sesuatu? Dan tiadalah (kejahanatan) yang diusahakan oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya; dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja); kemudian kepada Tuhan kamu lah tempat kamu kembali, lalu ia menerangkan kepada kamu akan apa yang kamu berselisihan padanya."

Ayat ini merupakan suatu pengumuman yang membayangkan rasa kesyukuran. Ia mengungkapkan kepercayaan, keyakinan terhadap hubungan *Ubudiyyah* yang dilafazkan. Pengertiannya yang abstrak dan kepercayaan terhadap hubungan *Rububiyyah* yang memberi petunjuk, mengawal dan memelihara.²¹⁷ Ia menunjukkan bahawa apa yang dituntut oleh Islam adalah mewajibkan manusia mempersesembahkan seluruh kerjanya, hidup dan matinya semata-mata untuk Allah

²¹⁷ Qutb (2000), *op.cit.*, j. 5, h. 516.

SWT dan tidak membahagikan hak Allah SWT dalam hal ini dengan yang lain.²¹⁸

Akidah tauhid ini juga, telah memberikan keyakinan kepada orang Islam bahawa tiada Tuhan yang perlu ditakuti dan diharapkan melainkan Allah SWT. Tiada Tuhan melainkan Allah SWT yang perlu dihindarkan kemurkaan-Nya dan mencari keredaan-Nya. Dengan ini, seseorang muslim mengeluarkan semua tuhan-tuhan palsu dari kehidupannya serta memusnahkan segala berhala kebendaan dan *ma'navi* dari hatinya.²¹⁹

d) Membebaskan diri daripada keegoan dan nafsu

Antara faedah lain pula ialah membebaskan manusia dari memperhambakan diri kepada keegoan, nafsu dan tidak tunduk serta menyerah kepada tuntutan kebendaan dan keinginan peribadinya.²²⁰

Ini disebabkan manusia Rabbani, keimanannya kepada Allah SWT dan hari akhirat akan membuatnya mengambil sikap mempertimbangkan antara keinginan nafsu dan keperluan agamanya, dorongan syahwat dan perintah Tuhannya, apa yang didesak oleh hawa nafsu dan apa yang didesak oleh kewajipannya, antara

²¹⁸ Muhammad Qutb (1998), *Manhaj Hidup Muslim*, Abdul Rahman Rukaini (terj.). Selangor: Dewan Pustaka Fajar, h. 94.

²¹⁹ Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 136.

²²⁰ *Ibid.*

keseronokan hari ini dan perhitungan hari esok atau antara kelazatan segera di dunia dan perhitungan sukar yang menantinya di akhirat nanti.²²¹

Firman Allah SWT:

وَإِذَا لَمْ تَأْتِهِمْ بِآيَةٍ قَالُوا لَوْلَا اجْتَبَيْتَهَا فُلِّ إِنَّمَا أَتَيْتُكُمْ مَا يُؤْخِذُ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّي هَذَا
بَصَانُرُ مِنْ رَبِّكُمْ وَهُدُى وَرَحْمَةٌ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ (٢٠٣)
Surah al-A'raf (7): 203.

Maksudnya:

"Dan apabila engkau (wahai Muhammad) tidak membawa kepada mereka sesuatu ayat al-Quran (sebagaimana yang mereka kehendaki), berkatalah mereka (secara mengejek): "Mengapa engkau tidak bersusah payah membuat sendiri akan ayat itu?" Katakanlah: "Sesungguhnya aku hanya menurut apa yang diwahyukan kepadaku dari Tuhanmu. al-Quran ini ialah panduan-panduan yang membuka hati dari Tuhan kamu, dan petunjuk serta menjadi rahmat bagi orang-orang yang beriman."

Sila lihat surah al-Kahf (18): 57 dan surah al-A'raf (7): 203.

Pertimbangan dan persoalan ini sudah layak untuk menyingkirkan perhambaan terhadap nafsu syahwat serta mengangkatnya ke darjat yang lebih tinggi dari keegoan. Ianya merupakan darjat kebebasan keinsanan yang bertindak menurut kewarasan dan kehendaknya bukan berdasarkan hawa nafsunya semata-mata.²²²

²²¹ Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 137.

²²² *Ibid.*

Firman Allah SWT:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ (٤) ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ (٥)
Surah al-Tin (95): 4-5.

Maksudnya:

"Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah".

4.2.2 Tarbiah yang bersifat Syumul

Pengisian *Tarbiyyah Harakiyyah* yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di Mekah tidak hanya berdasarkan kepada Islam yang bersifat Rabbani sahaja, malah Rasulullah SAW memberi keyakinan kepada umatnya bahawa Islam yang dianuti mereka merupakan agama yang bersifat syumul. Kesyumulan Islam ini merupakan satu keistimewaan yang membezakan Islam dengan agama, falsafah dan aliran-aliran lain. Imam Ḥasan al-Bannā memberi gambaran yang jelas mengenai dimensi syumul di dalam risalah Islam dengan katanya:

"Ia adalah risalah yang terbentang memanjang sehingga menjangkau keabadian zaman. Ia terbentang melebar sehingga mengatur seluruh bangsa manusia. Ia mendasar sehingga meliputi seluruh urusan dunia dan akhirat".²²³

²²³ Al-Qarādāwī (1977), *op.cit.*, h. 99.

Kesyumulan Islam ini dapat dilihat dengan jelas dalam beberapa aspek berikut:

4.2.2(a)] Dalam akidah dan tanggapan

Islam merupakan agama yang membawa akidah yang syumul kerana ianya meliputi semua aspek yang dipandang oleh manusia. Aspek-aspek tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kesyumulan akidah dari aspek penafsiran merupakan persoalan besar dalam kehidupan ini. Persoalan-persoalan tersebut sering bermain dalam fikiran manusia hingga ke hari ini. Malah ia memerlukan kepada jawapan yang tuntas serta dapat mengeluarkan manusia daripada kebingungan dan anggapan-anggapan remeh oleh pelbagai falsafah dan aliran pemikiran yang saling bertentangan sama ada dahulu dan sekarang. Umpamanya persoalan ketuhanan, alam, kemanusiaan, kenabian dan persoalan tempat pengembalian manusia.²²⁴

²²⁴ Al-Qarađāwī (1977), *op.cit.*, h. 106.

وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ وَقُولُوا
آتَاهَا بِالَّذِي أُنزَلْنَا إِلَيْنَا وَأُنزَلْنَا إِلَيْكُمْ وَإِلَهُنَا وَإِلَهُكُمْ وَاحِدٌ وَتَحْنُّ لَهُ
مُسْلِمُونَ (٤٦)

Surah al-Ankabut (29): 46.

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu berbahas dengan ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim di antara mereka; dan katakanlah (kepada mereka): "Kami beriman kepada (al-Quran) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah Satu; dan kepada-Nyalah, kami patuh dengan berserah diri."

Firman Allah SWT:

وَمِنْهُمْ مَنْ يَسْتَمِعُ إِلَيْكُمْ وَجَعَلْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ أَكْثَرَهُ أَنْ يَقْفَهُوهُ وَفِي آذَانِهِمْ
وَقُرَا وَإِنْ يَرَوْا كُلَّ آيَةٍ لَا يُؤْمِنُوا بِهَا حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوكُمْ يُجَادِلُوكُمْ يَقُولُونَ
الَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ هَذَا إِلَّا أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ (٢٥)

Surah al-Anām (6):25.

Maksudnya:

"Dan di antara mereka ada yang mendengarkanmu (membaca al-Quran), pada hal Kami telah jadikan tutupan berlapis-lapis atas hati mereka, yang menghalang mereka daripada memahaminya, dan Kami jadikan pada telinga mereka penyumbat (yang menjadikan mereka pekak); dan kalaupun mereka melihat tiap-tiap keterangan (dan mukjizat yang membuktikan kebenaran Rasul), mereka tidak juga akan beriman kepada keterangan itu; sehingga apabila mereka datang kepadamu, sambil membantahmu, berkatalah orang-orang yang kafir itu: "Ini tidak lain hanyalah cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu".

Firman-Nya lagi:

إِنَّ فِي اخْتِلَافِ اللَّيلِ وَالنَّهَارِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَلَّا يَعْلَمُ
لِقَوْمٍ يَّقُولُونَ (٦)
Surah Yūnus (10): 6.

Maksudnya:

“Sesungguhnya pada pertukaran malam dan siang silih berganti, dan pada segala yang dijadikan oleh Allah SWT di langit dan di bumi, ada tanda-tanda (yang menunjukkan undang-undang dan peraturan Allah SWT) kepada kaum yang mahu bertakwa”.

Sila lihat surah al-Zumar (39): 69, surah al-Nahl (16): 89, surah al-Isrā’ (17): 55, surah al-Syū‘arā’ (26): 46-48, surah al-Furqān (25): 17 dan surah al-Qaṣāṣ (28): 52-53.

Terdapat sebahagian akidah hanya mementingkan persoalan manusia tanpa mementingkan persoalan ketuhanan dan tauhid. Manakala sebahagiannya pula hanya mementingkan persoalan ketuhanan tanpa mementingkan persoalan kenabian dan risalah. Sebahagian lagi hanya mementingkan persoalan kenabian tanpa mementingkan persoalan balasan akhirat. Tetapi hakikatnya, akidah Islam mementingkan semua persoalan tersebut serta menyatakan pendiriannya dengan jelas dan lengkap.²²⁵

²²⁵ Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 157.

- ii. Akidah Islam juga disifatkan sebagai syumul kerana ia tidak membahagikan Tuhan kepada dua seperti tuhan kebaikan dan cahaya, tuhan kejahanan dan kegelapan sepetimana yang terdapat di dalam agama Majusi (Magianism), atau antara Allah SWT dengan syaitan yang dinamakan di dalam kitab Injil sebagai "*Pemimpin Alam Ini*" dan sebagai "*Tuhan Alam Ini*" serta membahagikan alam ini kepada milik syaitan dan milik Allah SWT. Mereka beranggapan syaitan memiliki kerajaan dunia, sementara Allah SWT memiliki kerajaan langit. Lantaran itu, pandangan tentang perbuatannya di dalam agama Nasrani adalah hampir sama dengan perbuatan "*Ahriaman*" iaitu Tuhan Kegelapan di dalam agama Majusi.²²⁶ Firman Allah SWT:

وَقَالَ اللَّهُ لَا تَتَعَذَّرُوا إِلَهُنِ اثْنَيْنِ إِلَمَا هُوَ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَإِنَّمَا يَقُولُونَ فَارْهُبُونَ (٥١)
Surah al-Nahl (16): 51.

Maksudnya:

"Dan Allah SWT berfirman: "Janganlah kamu bertuhankan dua tuhan, kerana sesungguhnya Tuhan itu hanyalah Tuhan yang satu; maka kepada Akulah sahaja hendaknya kamu gerun gementar".

Firman Allah SWT lagi:

فُلْ لَوْ كَانَ مَعَهُ آلَهَةٌ كَمَا يَقُولُونَ إِذَا لَأْتَهُمْ إِلَى ذِي الْعَرْشِ سَيِّلَ (٤٢)
Surah al-Isrā' (17): 42.

²²⁶ Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 157.

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Kalaularah ada tuhan-tuhan yang lain bersama-sama Allah SWT, sebagaimana yang mereka katakan itu, tentulah tuhan-tuhan itu akan mencari jalan kepada Allah SWT yang mempunyai Arasy (dan kekuasaan yang mutlak)".

Sila lihat surah al-Anām (6): 19, surah al-Zukhruf (43): 84 dan surah al-Anbiyā' (21): 108.

- iii. Akidah Islam juga disifatkan syumul dari aspek lain iaitu ia tidak hanya bersandarkan kepada naluri atau perasaan sepertimana keadaan falsafah "*Illuminisma*", mazhab-mazhab kesufian dan agama Nasrani yang menolak sama sekali campur tangan akal dalam akidah. Mereka hanya menerima secara mutlak sepertimana pegangan mereka. "*Percayalah secara buta*".²²⁷

Ia juga tidak hanya bersandar kepada akal sepertimana keadaan kebanyakan aliran falsafah manusia yang menjadikan akal sebagai satu-satunya alat untuk mengenali Allah SWT serta merungkaikan persoalan kewujudan-Nya. Sebaliknya Islam, bersandar kepada pemikiran dan perasaan atau kepada akal dan hati sebagai dua alat pengenalan dan kesedaran manusia yang saling melengkapi. Keimanan yang sebenar kepada Islam ialah keimanan

²²⁷ Al-Qaraḍāwī (1977), *op.cit.*, h. 107.

yang terbit dari kejernihan akal dan hati. Dengan itu, dia akan dapat memainkan peranannya dan membawa hasil di dalam kehidupan.²²⁸ Firman Allah SWT:

أَوْلَمْ يَرَوُا إِلَى مَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ يَتَفَكَّرُ أَنَّ لِلَّهِ عَنِ الْيَمِينِ وَالشَّمَائِلِ سُجْدًا
لِلَّهِ وَهُمْ بِذَلِكُونَ (٤٨)
Surah al-Nahl (16): 48.

Maksudnya:

"Tidakkah mereka melihat dan memikirkan segala yang telah dijadikan oleh Allah SWT, yang beredar (berpindah-randah) bayang-bayangnya ke kanan dan ke kiri (pada pagi dan petang), dengan keadaan tunduk menurut peraturan dan kehendak Allah SWT, sedang mereka merendah diri?".

Firman-Nya lagi:

أَلَمْ يَرَوُا إِلَى الطَّيْرِ مُسَخَّرَاتٍ فِي جَوَّ السَّمَاءِ مَا يُمْسِكُهُنَّ إِلَّا اللَّهُ إِنْ فِي
ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ (٧٩)
Surah al-Nahl (16): 79.

Maksudnya:

"Tidakkah mereka memperhatikan burung-burung yang dimudahkan terbang melayang-layang di angkasa? Tiada yang menahan mereka (dari jatuh) melainkan Allah SWT;

²²⁸ Al-Qarađāwī (1996), *op.cit.*, h. 158.

sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah SWT) bagi kaum yang beriman".

- iv. Akidah Islam juga disifatkan syumul kerana ia adalah akidah yang tidak menerima pembahagian. Ia mesti diambil secara keseluruhan beserta dengan kandungannya tanpa sebarang keingkaran atau keraguan terhadap sebahagian darinya. Sesiapa yang beriman dengan 99 peratus dari kandungan akidah ini dan kufur sebanyak 1 peratus darinya, bermakna dia tidak dianggap sebagai muslim. Keislaman memerlukan seseorang manusia menyerahkan pengendalian keseluruhannya kepada Allah SWT serta mempercayai semua yang datang dari-Nya.²²⁹

Firman Allah SWT:

فُلِّيَأَيُّهَا النَّاسُ إِنْ كُشِّمْ فِي شَكٍّ مِّنْ دِينِي فَلَا أَعْبُدُ الَّذِينَ تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ أَعْبُدُ اللَّهَ الَّذِي يَتَوَفَّكُمْ وَأَمْرَرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ
(١٠٤)

Surah Yūnus (10): 104.

²²⁹ Al-Qaradāwī (1977), *op.cit.*, h. 108.

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai sekalian manusia! Sekiranya kamu menaruh syak tentang kebenaran agama-Ku, maka (ketahuilah) aku tidak menyembah makhluk-makhluk yang kamu menyembahnya yang lain dari Allah SWT, tetapi aku hanya menyembah Allah SWT yang akan mematikan kamu (untuk menerima balasan); dan aku diperintahkan supaya menjadi dari golongan yang beriman".

Firman Allah SWT lagi:

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ (١) لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ (٢) وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا
أَعْبُدُ (٣) وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَا عَبَدْتُمْ (٤) وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ (٥) لَكُمْ
دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ (٦)

Surah al-Kāfirūn (109): 1-6.

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Hai orang-orang kafir! "Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. "Dan kamu tidak mahu menyembah Allah SWT yang aku sembah. "Dan aku tidak akan beribadah secara kamu beribadah. "Dan kamu pula tidak mahu beribadah secara aku beribadah. "Bagi kamu agama kamu, dan bagi agamaku".

4.2.2(b)] Dalam ibadah dan amalan mendekatkan diri kepada Allah SWT

Gambaran fenomena kesyumulan Islam di dalam ibadahnya adalah sama dengan fenomena di dalam akidah. Ibadah di dalam Islam meliputi semua anggota manusia. Seorang muslim tidak beribadah kepada Allah SWT hanya dengan lidah, badan, hati, akal atau hanya dengan pancaingeranya sahaja. Sebaliknya dia menyembah Allah SWT dengan semua perkara tersebut. Dengan lidahnya dia berzikir, berdoa dan membaca ayat-ayat al-Qur'an, dengan badannya dia bersolat, berpuasa dan berjihad, dengan hatinya dia merasa takut, berharap dan bertawakal, dengan akalnya dia berfikir dan merenung serta dengan semua pancaingeranya digunakan untuk mentaati Allah SWT.²³⁰

Pengertian lain bagi kesyumulan di dalam ibadah ialah ia merangkumi seluruh kehidupan. Ia tidak hanya terbatas kepada ibadah-ibadah dalam bentuk syiar-syiar yang sudah diketahui umum iaitu solat, zakat, puasa dan haji. Bahkan ia merangkumi semua gerakan dan amalan yang mempertingkatkan kehidupan dan kebahagiaan manusia di dunia. Maka jihad di jalan Allah SWT seperti mempertahankan kebenaran, melindungi kehormatan, menjauhi fitnah dan meninggikan kalimah Allah SWT merupakan ibadah yang agung. Oleh itu, setiap amalan bermanfaat yang dilakukan oleh seseorang muslim untuk berkhidmat kepada

²³⁰ Al-Qarādāwī (1996), *op.cit.*, h. 159.

masyarakat atau membantu individu-individu lain merupakan ibadah.²³¹ Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ مَنْ أَخْسَنَ
عَمَلاً (٣٠)

Surah al-Kahf (18): 30.

Maksudnya:

"Sebenarnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh sudah tetap Kami tidak akan menghilangkan pahala orang-orang yang berusaha memperbaiki amalnya".

Firman-Nya lagi:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُكَفِّرَنَّ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنُعَزِّزَنَّهُمْ
أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (٩٧)

Surah al-Nahl (16): 97.

Maksudnya:

"Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalaaskan mereka, dengan memberikan paha'lunya yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan".

²³¹ Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 159.

4.2.2(c)] Dalam akhlak dan tata susila

Kesyumulan *Tarbiyyah Harakiyyah* juga merupakan sifat yang terdapat di dalam akhlak dan tatasusila. Akhlak Islam bukanlah seperti mana yang dikenali oleh manusia sebagai "akhlak keagamaan" yang terdiri daripada menunaikan ibadah-ibadah teras, mengelak daripada memakan daging babi serta meminum arak dan sebagainya. Sebaliknya, akhlak di dalam Islam merangkumi seluruh aspek dan bidang kehidupan.²³²

Akhlik dalam Islam tidak membiarkan sebarang aspek kehidupan manusia sama ada kerohanian atau fizikal, keagamaan atau keduniaan, akal atau perasaan, individu atau masyarakat melainkan dilakarkan *manhaj* yang ideal bagi akhlak yang tinggi. Apa yang dipisahkan oleh manusia di dalam persoalan akhlak dengan nama agama atau falsafah dan dengan nama tradisi dan masyarakat, ia telah disatukan oleh sistem akhlak di dalam Islam secara sepdua dan lengkap bahkan dibuat penambahan yang lebih baik.²³³

²³² Al-Qarađāwī (1977), *op.cit.*, h. 110.

²³³ Al-Qarađāwī (1996), *op.cit.*, h. 159-160.

Terdapat banyak contoh ayat-ayat *Makkī* yang berkaitan dengan akhlak dan tata susila. Antaranya ialah:

i. Akhlak Islam yang berkaitan dengan masyarakat

Firman Allah SWT:

وَلَا تُصْعِرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْسِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ
مُخْتَالٍ فَخُورٍ (١٨)

Surat Luqmān (31): 18.

Maksudnya:

"Dan janganlah engkau memclingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sompong; sesungguhnya Allah SWT tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sompong takbur, lagi membanggakan diri".

ii. Adab dalam kegiatan ekonomi dan muamalat.²³⁴ Firman Allah SWT:

وَيَلِّ الْمُطْفَقِينَ (١) الَّذِينَ إِذَا أَكْثَلُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفِنَ (٢) وَإِذَا
كَالُوهُمْ أَوْ وَزَّعُوهُمْ يُخْسِرُونَ (٣)
Surah al-Muṭaffifīn (83): 1-3.

²³⁴ Al-Qaraḍāwī (1996), *op.cit.*, h. 106.

Maksudnya:

"Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatam), iaitu mereka yang apabila menerima sukatam (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup. Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi".

iii. Adab berpolitik dan memerintah

Tiada pemisahan di dalam syariat Islam antara politik dan akhlak serta antara ekonomi dan akhlak sepetimana yang dicanang oleh sebahagian aliran pemikiran moden di dunia Barat. Antara contoh akhlak Islam yang berkaitan dengan makhluk yang tidak berakal seperti haiwan dan burung ialah sebagaimana sabda Rasulullah SAW:²³⁵

“بَيْنَ رَجُلٍ يَمْشِي فَأَشْتَدَّ عَلَيْهِ الْعَطْشُ، فَتَرَأَ بُرُّا فَشَرِبَ مِنْهَا، ثُمَّ خَرَجَ فَإِذَا هُوَ بِكَلْبٍ يَلْهُثُ يَأْكُلُ النَّرْقَى مِنَ الْعَطْشِ، قَالَ: لَقَدْ بَلَغَ هَذَا مِثْلَ الَّذِي بَلَغَ بِي: فَمَلَأَ خُفْفَةً ثُمَّ أَمْسَكَهُ بِفِيهِ، ثُمَّ رَقَى فَسَقَى الْكَلْبَ، فَشَكَرَ اللَّهُ لَهُ فَفَفَلَرَ لَهُ، قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَإِنَّ لَنَا فِي الْبَهَائِمِ أَجْرًا؟ قَالَ: فِي كُلِّ كَبِيرٍ رَطْبَةٍ أَجْرٌ”

²³⁵ Al-Qarādāwī (1996), *op.cit.*, h. 107.

Maksudnya:

"Terdapat seorang lelaki yang sedang berjalan dalam kehausan yang amat sangat. Lalu dia telah singgah di suatu telaga dan minum air daripadanya. Apabila dia hendak beredar, dia melihat seekor anjing yang sedang menjelirnya lidahnya tanda kehausan. Lalu dia berkata: Sesungguhnya aku juga telah mengalami sepertimana anjing ini. Lantas dia memegang kasutnya dengan mulut dan memenuhiinya dengan air. Kemudian, dia memberikan air tersebut kepada anjing itu. Maka Allah SWT berterima kasih di atas perbuatannya itu dan mengampuni dosanya. Bertanya para sahabat: Wahai Rasulullah SAW, Apakah perbuatan kami kepada binatang pun beroleh pahala? Sabda Rasulullah SAW: Berbuat baiklah terhadap setiap yang bernyawa ada pahalanya"²³⁶

Sabda Rasulullah SAW lagi:

عَذَّبَتْ اُمَّرَأَةٌ فِي هَرَّةٍ حَسِنَتْهَا حَتَّى مَاتَتْ جُوعًا، فَدَخَلَتْ فِيهَا النَّارَ، قَالَ فَقَالُوا - وَاللهُ أَعْلَمُ - لَا أَنْتَ أَطْعَمْنَاهَا وَلَا سَقَيْنَاهَا، وَلَا أَنْتَ أَرْسَلْنَاهَا فَأَكَلَتْ مِنْ خَشَاشٍ الْأَرْضِ"

Maksudnya:

"Seekor kucing diseksa oleh seorang wanita dengan mengurungnya sehingga mati kelaparan. Maka dia masuk neraka. Bertanya Rasulullah SAW kepada para sahabat mengenai perkara berikut. Mereka menjawab, Allah SWT lebih mengetahui, bersabda Rasulullah SAW: Ketika kamu mengurungnya, kamu tidak memberi makan dan minum kepadanya. Bahkan ia hanya memakan binatang yang melata di bumi ini."²³⁷

²³⁶ Al-^cAsqalānī (1987), *op.cit.*, Kitāb al-Syurb wa al-Masāqāh. Bāb Faḍl Saqy al-Mā', no. hadis 2363, h. 50.

²³⁷ *Ibid.*, no. hadis 2364.

Antara bukti yang menunjukkan bahawa terdapat akhlak yang berkaitan dengan alam dan kehidupan pula ialah:²³⁸ Firman Allah SWT:

وَسَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعاً مِنْهُ إِنْ فِي ذَلِكَ لَا يَعْلَمُ
الْقَوْمُ يَتَفَكَّرُونَ (١٣)

Surah al-Jāthiyah (45): 13.

Maksudnya:

"Dan *la memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripada-Nya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaan-Nya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti*".

Firman-Nya lagi:

أَرَأَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ وَأَنْ
عَسَى أَنْ يَكُونَ قَدْ اقْرَبَ أَجَلُهُمْ فَيَأْتِيَ حَدِيثٌ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ (١٨٥)

Surah al-'Arāf (7): 185.

Maksudnya:

"Patutkah mereka (membutakan mata) tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah SWT, dan (memikirkan) bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka? Maka kepada perkataan yang mana lagi sesudah (datangnya Kalamullah al-Qur'an) itu mereka mahu beriman?".

²³⁸ Al-'Asqalānī (1987), *op.cit.*, no. hadis 2364.

Firman Allah SWT:

إِنَّا لَعَبْدٌ وَإِنَّا لَنُسْتَعِينَ (٥)

Surah al-Fātiḥah (1): 5.

Maksudnya:

"Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan".

Selain dari contoh-contoh di atas, terdapat juga beberapa paparan aya-ayaat Makkī yang berkaitan dengan akhlak-akhlak Islam berdasarkan urutan mushaf al-Qur'an. Antaranya ialah:

i. Firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ (١) الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ (٢) وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ
اللَّغْوِ مُغْرِضُونَ (٣) وَالَّذِينَ هُمْ لِلنَّكَاحِ فَاعْلَمُونَ (٤) وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ
حَافِظُونَ (٥) إِلَّا عَلَى أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَأَئِنَّهُمْ غَيْرُ مُلْمُوسِينَ
(٦) فَمَنْ ابْتَغَى وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْغَادُونَ (٧) وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ
وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ (٨) وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ (٩) أُولَئِكَ هُمْ
الْوَارِثُونَ (١٠) الَّذِينَ يَرْثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (١١)

Surah al-Mu'minūn (23): 1-11.

Maksudnya:

"Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu). Dan mereka yang menjaga kehormatannya, kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela: Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka mereka lah orang-orang yang melampaui batas; dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya; dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya; Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi. Yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya."

ii. Firman Allah SWT:

وَعَادَ الرَّحْمَانُ الَّذِينَ يَمْسُونَ عَلَى الْأَرْضِ هُوَنَا وَإِذَا خَاطَهُمُ الْجَاهِلُونَ
فَالْأُولُوا سَلَامًا (٦٣) وَالَّذِينَ يَبْتُونَ لِرَبِّهِمْ سُجْدًا وَقِيَامًا (٦٤) وَالَّذِينَ يَقُولُونَ
رَبُّنَا أَصْرَفْنَا عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ إِنْ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا (٦٥) إِلَهًا سَاءَتْ
مُسْتَقْرَأً وَمَقَاماً (٦٦) وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَتَنَزَّلُوا وَكَانَ بَيْنَ
ذَلِكَ قَوَاماً (٦٧) وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ وَلَا يَقْتُلُونَ السَّفَنَ
الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَا يَرْتَبُونَ وَمَنْ يَفْعُلْ ذَلِكَ يُلْقَ أَثَاماً (٦٨)
يُضَاعِفُ لَهُ الْعَذَابُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَيَخْلُدُ فِيهِ مُهَاناً (٦٩)

Surah al-Furqān (25): 63-76.

Maksudnya:

"Dan hamba-hamba (Allah SWT) al-Rahman (yang direndahi-Nya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini. Dan mereka (yang

diredaya Allah SWT itu ialah) yang tekun mengerjakan ibadah kepada Tuhan mereka pada malam hari dengan sujud dan berdiri. Dan juga mereka yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami, sisihkanlah azab neraka Jahannam dari kami, sesungguhnya azab seksanya itu adalah mengerikan Sesungguhnya neraka Jahannam itu tempat penetapan dan tempat tinggal yang amat buruk". Dan juga mereka (yang diredaya Allah SWT itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiada melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu. Dan juga mereka yang tidak menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah SWT, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah SWT membunuhnya, kecuali dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak), dan tidak pula berzina; dan sesiapa melakukan yang demikian, akan mendapat balasan dosanya. Akan digandakan baginya azab seksa pada hari kiamat, dan ia pula akan kekal di dalam azab itu dengan menerima kehinaan."

iii. Firman Allah SWT:

فُلْ تَعَالَوْ أَقْلُ مَا حَرَمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ أَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئاً وَبِالْمُلْدَنِ إِحْسَانًا
وَلَا تَتَعْلُمُوا أُولَادُكُمْ مِنْ إِمْلَاقِنَا حُنْ نِرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ وَلَا تَقْرُبُوا الْفَوَاحِشَ مَا
ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا يَبْطَنَ وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الِّي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ذَلِكُمْ
وَصَّاكُمْ بِهِ لَعْنَكُمْ تَعْقِلُونَ (١٥١)

Surah al-Anām (6): 151.

Maksudnya:

"Katakanlah: "Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah SWT sesuatupun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa; dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang

memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka; dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan (zina) yang terang dari padanya dan yang tersembunyi; dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah SWT (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak). Dengan yang demikian itulah Allah SWT perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya.”

iv. Firman Allah SWT:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبْلُغُنَّ عَنْكُمْ
الْكَبِيرُ أَخْدُهُمَا أَوْ كَلَّاهُمَا فَلَا تَقْتُلْ لَهُمَا أَفْ وَلَا تَتَهْرِهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَسْوَةً
كُرِيْمًا (٢٣)

Surah al-Isrā' (17): 23.

Maksudnya:

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ha”, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

Melalui ayat-ayat *Makkī* yang disebutkan, jelas menunjukkan bahawa kedudukan akhlak di dalam Islam adalah bersifat syumul, bukan hanya sekadar solat, puasa dan zakat sahaja malah peranannya sungguh besar dalam membentuk jiwa manusia. Aspek inilah yang diberi penekanan dalam tarbiah Rasulullah SAW di Mekah kepada para sahabat.

4.2.2(d)] Dalam perundangan dan peraturan

Kesyumulan yang disifatkan dalam perundangan dan peraturan ialah syariat Islam yang suci mengandungi pelbagai peraturan, hukum-hakam dan perundangan pada setiap aspek penciptaan, pembinaan dan pengislahan, dalam setiap kelompok masyarakat dan kehidupan, sama ada berkaitan dengan pelbagai perundangan umum seperti masalah-masalah sivil, jenayah, peraturan masyarakat serta perhubungan antarabangsa atau berkaitan dengan asas-asas hukum.²³⁹ Firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ هَذَا الْقُرْآنُ أَنْ يُفْتَرَى مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ
وَتَفْصِيلُ الْكِتَابِ لَا رَبَّ فِيهِ مِنْ رَبَّ الْعَالَمِينَ (٣٧)

Surah Yūnus (10): 37.

Maksudnya:

“Dan bukanlah al-Quran ini sesuatu yang boleh diada-adakan oleh yang lain dari Allah SWT; tetapi al-Quran itu diturunkan oleh Allah SWT untuk membenarkan Kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya, dan untuk menjelaskan satu persatu hukum-hukum syarak yang diwajibkan (atas kamu); tidak ada sebarang syak dan ragu-ragu pada al-Quran itu tentang datangnya dari Allah SWT, Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam”.

²³⁹ Abdullah Nasih Ulwan (2001), *Syariah Islam Ciri-ciri dan Keunggulannya*, Abdul Karim Ali (terj.). Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, h. 11.

Firman-Nya lagi:

وَيَوْمَ يُبَعَّثُ فِي كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا عَلَيْهِمْ مِنْ أَنفُسِهِمْ وَجَنَّا بِكَ شَهِيدًا عَلَى هُؤُلَاءِ وَتَرَكْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِيَنًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَى لِلْمُسْلِمِينَ (٨٩)

Surah al-Nahl (16): 89.

Maksudnya:

"Dan (ingatkanlah tentang) hari Kami bangkitkan dalam kalangan tiap-tiap umat, seorang saksi terhadap mereka, dari golongan mereka sendiri; dan Kami datangkanmu (wahai Muhammad) untuk menjadi saksi terhadap mereka ini (umatmu); dan Kami turunkan kepadamu al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang mengembirakan, bagi orang-orang Islam".

Menurut pandangan Islam, seseorang itu tidak boleh mengambil aspek akidah dan keimanan sahaja dan mengabaikan aspek ibadah dan akhlak separtimana mereka yang berkata: "Tidak cacat keimanan dengan adanya maksiat separtimana tidak bergunanya ketaatan bersama kekufuran".²⁴⁰ Akidah membuatkan ibadah dan ibadah membuatkan akhlak. Semua perkara itu, membuatkan aspek amali dan perundungan di dalam kehidupan.²⁴¹ Firman Allah SWT:

²⁴⁰ Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 160.

²⁴¹ Yūsuf al-Qaradāwī (t.t), *al-Marjā'iyyah al-'Ulyā fī al-Islām li al-Qur'an wa al-Sunnah*. Kaaherah: Maktabah Wahbah, h. 28.

أَفَغَيْرُ اللَّهِ أَبْتَغِي حَكْمًا وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ إِلَيْكُمُ الْكِتَابَ مُفَصَّلًا وَالَّذِينَ
آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَعْمَلُونَ اللَّهَ مُتَرَدِّلًا مِنْ رَبِّكَ بِالْحَقِّ فَلَا تَكُونُنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ
(١١٤)

Surah al-An'ām (6): 114.

Maksudnya:

"(Katakanlah wahai Muhammad): "Patutkah aku (terpedaya dengan kata-kata dusta syaitan-syaitan itu sehingga aku) hendak mencari hakim selain dari Allah SWT, padahal Dia-Lah yang menurunkan kepada kamu kitab al-Quran yang jelas nyata kandungannya satu persatu (tentang yang benar dan yang salah)?". Dan orang-orang yang Kami berikan kitab, mengetahui bahawa al-Quran itu adalah diturunkan dari Tuhanmu dengan sebenar-benarnya. Oleh itu, jangan sekali-kali engkau menjadi (salah seorang) dari golongan yang ragu-ragu".

Menurut pandangan Islam, seseorang itu tidak boleh mementingkan aspek ibadah dan syiar Islam dengan mengabaikan aspek akhlak dan tatasusila Islam kerana ia merupakan salah satu dari cabang keimanan serta faedah dari ibadah yang sah.²⁴² Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW sebagaimana sabdanya:

الإِيمَانُ بِضَعْ وَسَبْعُونَ شَعْبَةً، وَالْحَيَاءُ شَعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ

²⁴² Al-Qarađāwī (1996), *op.cit.*, h. 161.

Maksudnya:

"Keimanan adalah lebih tujuh puluh cabang. Sifat malu adalah salah satu dari cabang keimanan".²⁴³

4.2.3 Tarbiah yang Sederhana dan Seimbang

Tarbiyyah Ḥarakiyyah yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di Mekah merupakan tarbiah yang sederhana dan seimbang. Ianya merupakan satu realiti yang terlalu jauh dari kemampuan manusia. Akalnya yang terbatas dan ilmu yang cetek, apatah lagi manusia dipengaruhi oleh kecenderungan serta pembawaan peribadi, keluarga, kelompok, iklim dan bangsa keturunannya yang boleh mengatasinya sama ada dia sedar atau tidak. Lantaran itu, tidak terdapat *manhaj* atau sistem yang diciptakan oleh manusia secara sendirian mahupun kelompok yang bebas dari keterlaluan atau kekurangan sepertimana yang terbukti melalui analisa realiti dan pengamatan sejarah.²⁴⁴

Hanya Allah SWT sahaja yang mampu memberikan hak kepada setiap sesuatu di alam ini sama ada material atau spiritual dengan seimbang dengan menentukan kadar-kadarnya yang meliputi ilmu dan rahmat-Nya ke atas segala sesuatu. Oleh itu, tidak hairanlah jika dilihat keseimbangan yang sangat halus di dalam ciptaan Allah SWT kerana Dia adalah pemilik segala ciptaan dan urusan.²⁴⁵

²⁴³ Al-^cAsqalānī (1987), *op.cit.* Kitāb al-Īmān. Bāb Umūr al-Īmān, no. hadis 9. J. 1, h. 67.

²⁴⁴ Al-Qaraḍāwī (1977), *op.cit.*, h. 119.

²⁴⁵ Al-Qaraḍāwī (1996), *op.cit.*, h. 164.

Justeru itu, fenomena keseimbangan ini jelas kelihatan di dalam apa saja perkara yang diperintah oleh Allah SWT dan apa yang disyariatkan-Nya yang berupa petunjuk dan agama kebenaran, iaitu di dalam peraturan Islam dan *manhaj* kehidupan. Ini terbukti daripada kejadian dan ciptaan Allah SWT yang Maha Halus ciptaan-Nya.²⁴⁶

Firman Allah SWT:

وَالْأَرْضَ مَدَّنَاهَا وَلَقَيْتَا فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَبْشَرَتَا فِيهَا مِنْ كُلِّ شَيْءٍ
مَوْزُونٌ (١٩)

Surah al-Hijr (15): 19.

Maksudnya:

"Dan bumi ini Kami bentangkan, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang kukuh terdiri, serta Kami tumbuhkan padanya tiap-tiap sesuatu yang tertentu timbangannya".

Firman-Nya lagi:

اللَّهُ الَّذِي أَنْزَلَ الْكِتَابَ بِالْحُقْقَ وَالْمِيزَانَ وَمَا يُدْرِكُ لَعْلَ السَّاعَةِ
قَرِيبٌ (١٧)

Surah al-Syūrā (42): 17.

²⁴⁶ Al-Qarađāwī (1996), *op.cit.*, h. 164.

Maksudnya:

"Allah SWT yang menurunkan Kitab Suci dengan membawa kebenaran, dan menurunkan keterangan yang menjadi neraca keadilan. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui? Boleh jadi hari kiamat itu sudah hampir (masa datangnya)".

Oleh yang demikian, tidak hairanlah kesederhanaan terdapat dalam semua aspek Islam secara teori dan praktikal serta secara pendidikan dan perundangan.²⁴⁷ Secara umumnya, kesederhanaan dan keseimbangan dalam *Tarbiyyah Harakiyah* di Mekah merujuk kepada aspek-aspek berikut:

4.2.3(a)] Aspek akidah

Akidah Islam merupakan akidah yang sedehana dan tidak berlebihan atau berkurangan. Ia sederhana di antara orang-orang yang menolak semua perkara di sebalik alam nyata yang tidak dapat dicapai oleh pancaindera mereka dan orang-orang yang mempercayai terdapat lebih dari satu tuhan di alam ini.²⁴⁸

Lebih dari itu, ada yang mempercayai bahawa roh tuhan akan masuk ke dalam jasad raja-raja dan pemerintah, bahkan ke dalam haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

²⁴⁷ Al-Qarađāwī (1996), *op.cit.*, h. 164.

²⁴⁸ Al-Qarađāwī (1998), *op.cit.*, h. 40.

Akidah Islam menolak kepercayaan atheist yang mengingkari ketuhanan dan pegangan orang-orang jahil yang mempercayai tuhan itu berbilang-bilang. Sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah SWT.²⁴⁹ Firman Allah SWT:

قُلْ لِمَنِ الْأَرْضُ وَمَنْ فِيهَا إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ (٨٤) سَيَقُولُونَ لِلَّهِ قُلْ أَفَلَا
تَذَكَّرُونَ (٨٥) قُلْ مَنْ رَبُّ السَّمَاوَاتِ السَّبْعِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ
(٨٦) سَيَقُولُونَ لِلَّهِ قُلْ أَفَلَا يَقْتُلُونَ (٨٧) قُلْ مَنْ يَدْهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ
وَهُوَ يَعْلَمُ وَلَا يَجَارُ عَلَيْهِ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ (٨٨) سَيَقُولُونَ لِلَّهِ قُلْ فَأَنَا
تُسْخِرُونَ (٨٩)

Surah al-Mu'minūn (23): 84-89.

Maksudnya:

"Tanyakanlah (wahai Muhammad): "Kepunyaan siapakah bumi ini dan segala yang ada padanya, kalau kamu mengetahui?" Mereka akan menjawab: "Kepunyaan Allah SWT". Katakanlah: "Mengapa kamu tidak mahu ingat (dan insaf)?" Tanyakanlah lagi: "Siapakah Tuhan yang memiliki dan mentadbirkan langit yang tujuh, dan Tuhan yang mempunyai Arasy yang besar?" Mereka akan menjawab: "(Semuanya) kepunyaan Allah SWT". Katakanlah: "Mengapa kamu tidak mahu bertaqwa?" Tanyakanlah lagi: Siapakah yang memegang kuasa pemerintahan tiap-tiap sesuatu, serta ia dapat melindungi (segala-galanya) dan tidak ada sesuatupun yang dapat disembunyi daripada kekuasaannya? (Jawablah) jika kamu mengetahui!" Mereka akan menjawab: "(Segala-galanya) dikuasai Allah SWT". Katakanlah: "Jika demikian, bagaimana kamu tertarik hati kepada perkara yang tidak benar?"

²⁴⁹ Al-Qarađāwī (1998), *op.cit.*, h. 40.

Kesederhanaan akidah Islam juga dapat dilihat di dalam sifat-sifat Allah SWT. Tidak terdapat sikap keterlaluan dalam mengesakan Allah SWT sehingga tidak memberi sebarang makna atau melahirkan rasa takut dan menaruh harapan kepada-Nya. Dengan kesederhanaan ini, akidah Islam terhindar dari sebarang penyamaan Allah SWT dengan makhluk-Nya, sepertimana yang berlaku dalam kepercayaan-kepercayaan lain seperti Yahudi yang menjadikan Pencipta sebagai salah seorang manusia serta disifatkannya dengan tidur, penat, rehat, mengambil tempat, pilih kasih, keras dan sebagainya.²⁵⁰

4.2.3(b)] Aspek ibadah

Islam memiliki ciri kesederhanaan di dalam ibadah serta syiarnya berbanding dengan agama-agama lain serta aliran-aliran yang menghapuskan aspek *Rabbaniyyah* (aspek penyembahan dan perhambaan) dari falsafah serta kewajipannya. Umpamanya Buddha yang hanya membataskan kewajipan-kewajipan dalam aspek akhlak kemanusiaanya. Islam juga berbeza dengan agama dan ideologi yang meminta para penganutnya hanya beribadah dan berhenti dari aktiviti keduniaan dan produktiviti seperti kependitaan Nasrani.²⁵¹

²⁵⁰ Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 59.

²⁵¹ Al-Qaradāwī (1977), *op.cit.*, h. 129.

Dalil yang paling jelas terhadap apa yang disebutkan di atas ialah hadis dari Anas r.anhu katanya:

"جَاءَ نَلَّاتُهُ رَهْطٌ إِلَى بُيُوتٍ أَرْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْأَلُونَ عَنْ عِبَادَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَلَمَّا أَخْبَرُوا كَانُوهُمْ تَقَالُوهَا، فَقَالُوا، وَأَيْنَ نَحْنُ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ قَدْ غَفَرَ اللَّهُ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَلِكَ وَمَا تَأْخَرَ . قَالَ أَخْتَهُمْ: أَمَا أَنَا فَأَنَا أَصْنَلُ اللَّيلَ أَبْدًا . وَقَالَ آخَرٌ: أَنَا أَصُومُ الدَّهْرَ وَلَا أَفْطُرُ . وَقَالَ آخَرٌ: أَنَا أَعْتَرُ النِّسَاءَ فَلَا أَتَرْوَجُ أَبْدًا . فَجَاءَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: أَشْنِ الَّذِينَ قُلْتُمْ كَذَّا وَكَذَّا؟ أَمَا وَاللَّهِ إِنِّي لَأَخْشَاكُمْ اللَّهَ وَآتَقَاكُمْ لَهُ، لَكُمْ أَصْنُومُ وَأَفْطُرُ، وَأَصْنَلُ وَأَرْفُدُ، وَأَتَرْوَجُ النِّسَاءَ: فَمَنْ رَغَبَ عَنْ سُنْتِي فَلَيْسَ مِنِّي"

Maksudnya:

"Tiga orang datang ke rumah para isteri Rasulullah SAW dan mereka menanyakan tentang ibadahnya. Setelah diberitahunya, mereka menganggap ibadah mereka seolah-olah sedikit berbanding dengan Nabi SAW, sedangkan baginda SAW diampuni semua dosanya yang terdahulu dan akan datang. Berkata seorang dari mereka: " Saya akan sembahyang malam untuk selama-lamanya". Berkata seorang lagi dari mereka: "Saya akan berpuasa berterusan dan tidak berbuka", dan berkata seorang yang lain pula: "Saya akan menjauhi wanita dan tidak berkahwin selama-lamanya". Kemudian datang Rasulullah SAW, lalu bersabda: "Kamukah yang berkata begini dan begitu tadi? Bahawa sesungguhnya akulah yang lebih takut dan lebih banyak takwa kepada Allah SWT, tapi aku berpuasa dan aku berbuka, aku sembahyang dan aku tidur, malah aku kahwini wanita. Kerana itu

siapa yang tidak suka kepada sunnahku, maka dia bukanlah dari kalangan umatku".²⁵²

Dalam hadis yang lain, Abū Rib'iyīn Ḥanẓalah bin al-Rabi' al-Usaidī al-Khāṭib,
salah seorang dari penulis wahyu kepada Rasulullah SAW, katanya:

"كُنَّا عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَعَظْنَا فَذَكَرَ النَّارَ قَالَ ثُمَّ جَنَّةُ إِلَيِّ الْبَيْتِ فَضَاحَكْنَا الصَّيْبَانَ وَلَا غَبَّتِ الْمَرْأَةُ قَالَ فَخَرَجْنَا فَلَقِيَنَا أَبَا بَكْرَ فَذَكَرْنَا ذَلِكَ لَهُ فَقَالَ: وَأَنَا قَدْ فَعَلْتُ مِثْلَ مَا تَذَكَّرُ فَلَقِيَنَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْنَا: "يَا رَسُولُ اللَّهِ كَافِقٌ حَتَّلَةً" فَقَالَ: مَمَّا؟ فَحَدَّثَنَا بِالْحَدِيثِ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ وَأَنَا قَدْ فَعَلْتُ مِثْلَ مَا فَعَلْ، فَقَالَ يَا حَتَّلَةُ سَاعَةً وَسَاعَةً وَلَوْ كَانَتْ تَكُونُ قَلْوَبَكُمْ كَمَا تَكُونُ عِنْدَ الذِّكْرِ لَصَافَحْتُكُمْ الْمَلَائِكَةُ حَتَّى تُسْلَمَ عَيْنُكُمْ فِي الطُّرُقِ"

Maksudnya:

"Kami berada di sisi Rasulullah SAW dan baginda SAW menyebutkan kepada kami tentang syurga dan neraka sehingga kami terasa seakan-akan nampak di mata kita. Bila kami keluar dari majlis Rasulullah SAW, kami tinggalkan isteri, anak-anak dan kehidupan, malah lupa benar kepadanya". Lantas Abu Bakar r.anhu berkata: "Demi Allah SWT!, kami juga menghadapi masalah seperti ini". Kemudian, kamu bergegas segera kepada Rasulullah SAW dan aku berkata: "Sudah jadi munafiklah Hanzalah, wahai Rasulullah SAW". Lantas bertanya baginda SAW: "Apa itu?". Kataku: " Wahai Rasulullah SAW!, Sewaktu anda menyebut mengenai neraka dan syurga, kami berada bersama anda dan kami merasakan seolah-olah melihat dengan

²⁵² Al-Asqalānī (1987), *op.cit.* Kitāb al-Nikāh. Bāb al-Targhib fī al-Nikāh, no. hadis 5063, j. 9. h. 5-6.

kejahanan. Manakala pandangan Islam adalah pertengahan antara dua golongan yang bertentangan itu.²⁵⁵

Insan muslim adalah insan yang berjaya menewaskan naluri dan syahwatnya apabila dia menyucikan dirinya dengan riadah, mujahadah dan mengawasi dirinya sehingga dia berjaya berpindah dari nafsu yang sentiasa menyuruh ke arah kejahanan kepada nafsu yang sentiasa mencela kejahanan diri. Oleh yang demikian, dia berjaya mendapat kejayaan apabila ketakwaannya mengatasi kejaha²⁵⁶ tan sepertimana firman Allah SWT:

وَنَفْسٌ وَمَا سَوَّاهَا (٧) فَاللَّهُمَّ إِنَّمَا فُجُورُهَا وَتَقْوَاهَا (٨) قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا
وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا (٩) (١٠)

Surah al-Syams (91): 7-10.

Maksudnya:

"Demikian diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahanan, dan yang membawanya kepada bertakwa; Sesungguhnya berjayaalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebaikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat)".

²⁵⁵ Al-Qarađāwī (1996), *op.cit.*, h. 165.

²⁵⁶ *Ibid.*, h. 129.

Allah SWT mengkehendaki agar akhlak di dalam Islam mempunyai keistimewaan yang membezakannya dengan agama Yahudi, Nasrani atau kedua-duanya. Keistimewaan-keistimewaan tersebut menjadikannya sesuai untuk semua individu, status manusia, bangsa, situasi, masa dan setiap keadaan.²⁵⁷ Antara keistimewaan akhlak Islam ialah keseimbangan yang menyatukan sesuatu dengan perkara yang bertentangan dengannya dengan penuh keserasian dan keharmonian tanpa berlebihan dan berkurangan.²⁵⁸ Contoh yang menunjukkan keseimbangan tersebut ialah:

j. Keseimbangan antara dunia dan akhirat

Jika agama Yahudi mementingkan dunia yang ada ini dan agama Nasrani memusatkan seluruh ajarannya kepada kerajaan langit yang merupakan alam akhirat, tetapi Islam menyatukan antara dua pandangan itu serta mencampurkan antara dua kehidupan iaitu dunia dan akhirat. Islam menganggap dunia sebagai ladang untuk akhirat dan Allah SWT telah menjadikan manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk memakmurkannya. Tidak wajar bagi manusia untuk memusnah atau membiarkannya. Orang yang bahagia ialah orang yang berjaya memperolehi kebaikan di dunia dan di akhirat.²⁵⁹ Firman Allah SWT:

²⁵⁷ Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h.100.

²⁵⁸ *Ibid.*, h. 107.

²⁵⁹ *Ibid.*

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسِ نَصِيبِكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ
كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تُبْغِي أَفْسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْمُفْسِدِينَ (٧٧)

Surah al-Qaṣāṣ (28):77.

Maksudnya:

"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah SWT kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah SWT) sebagaimana Allah SWT berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah SWT tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan".

ij. Keseimbangan antara hak dan kewajipan

Islam tidak memanjakan manusia dengan memperbanyakkan hak serta membebaskannya atas nama kebebasan. Kelak dia akan lalai, melaripau, menyeleweng dan melakukan kerosakan. Islam juga tidak membebarkannya dengan pelbagai kewajipan serta tanggungjawab sekalipun belakangnya merasa penat memikul dan lemah keuatannya. Perkara ini tidak boleh dikaitkan dengan nama masyarakat atau nama lain.²⁶⁰

²⁶⁰ Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 108.

iii. Keseimbangan antara realiti dan idealistik.

Di samping mengakui realiti yang dihadapi oleh kebanyakan manusia, Islam membuka pintunya bersama dengan dorongan dan motivasi untuk orang yang memiliki keunggulan dan keazaman, untuk menempah tempat yang tinggi dan berusaha untuk mencari kebaikan kerana memang darjat manusia berbeza-beza,²⁶¹

Firman Allah SWT:

نُّمْ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ
مُفْعِصٌةٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ يَأْذِنُ اللَّهُ ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ (٣٢)

Surah Fātir (35) : 32.

Maksudnya:

"Kemudian Kami jadikan al-Qur'an itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengindahkan ajaran al-Qur'an), dan di antaranya ada yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah SWT. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (dari Allah SWT semata-mata)."

²⁶¹ Al-Qaraḍāwī (1996), *op.cit.*, h. 107.

Firman-Nya lagi:

وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ (١٠) أَوْلَىكَ الْمُقَرَّبُونَ (١١)

Surah al-Wāqi'ah (27): 10-11.

Maksudnya:

"Dan (puak yang ketiga pula ialah) orang-orang yang telah mendahului (dalam mengerjakan kebaikan di dunia), yang akan mendahului (mencapai balasan yang sebaik-baiknya di akhirat kelak). Mereka itulah orang-orang yang didampingkan (di sisi Allah SWT)".

Orang yang meneliti kepada keseimbangan akhlak Islam serta keharmoniannya yang bermukjizat, dia akan merasa takjub bagaimana berlakunya kesepaduan antara nilai-nilai luhur yang bertentangan dan kebanyakan orang menganggap kesepaduannya adalah mustahil. Lantaran itu, para pengkaji tidak mampu untuk mengaitkannya dengan mana-mana jenis dan ideologi akhlak yang dikenali oleh manusia dulu dan sekarang. Adakah ia akhlak kekuatan atau kasih sayang? Adakah ia akhlak zuhud atau akhlak kehidupan duniawi? Adakah ia akhlak ketuhanan atau kemanusiaan? Adakah ia akhlak akal atau akhlak agama. Adakah ia akhlak idealistik atau akhlak realiti? Adakah ia akhlak kapitalis atau akhlak sosialis.²⁶²

²⁶² Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 108-109.

Hakikatnya, ia bukanlah salah satu daripada yang disebutkan di atas. Ini kerana ia mempunyai unsur tertentu dari setiap jenis yang disebutkan tadi iaitu yang terbaik padanya di samping terhindar dari segala keburukan dan keterlampauannya. Hakikat yang tidak syak lagi, ia adalah akhlak yang saling melengkapi dan seimbang kerana ia adalah akhlak Islam dan ini sudah memadai.²⁶³

4.2.4 Tarbiah yang bersifat Realistik

Tarbiyyah Islamiyyah yang bersifat realistik berhubung secara langsung dengan diri manusia. Islam mendidik umatnya dengan kehidupan yang sebenar dan tidak membiarkan mereka hidup sia-sia tanpa mengenal Tuhan. Islam juga tidak membiarkan umatnya melampaui batas dalam mengabdikan diri kepada Allah SWT sehingga hatinya kosong, tidak mengingati apa-apa.²⁶⁴

Islam tidak menetapkan seseorang yang dilahirkan itu melakukan dosa. Sebaliknya, Islam mengakui bahawa kesan dan suasana didikan yang baik boleh membentuk akidah dan menghala kepada agamanya yang sebenar. Justeru itu, Islam meminta setiap ibu bapa bertanggungjawab memimpin dan memberi didikan yang terbaik kepada anak-anak mereka.²⁶⁵

²⁶³ Al-Qarađāwī (1996), *op.cit.*, h. 109.

²⁶⁴ Al-Qarađāwī (1977), *op.cit.*, h. 159.

²⁶⁵ *Ibid.*

Oleh itu, al-Qur'an telah memperkenalkan suatu metodologi baru dengan menghalakan pemikiran serta perhatian manusia kepada alam kenyataan dan realiti, menghubungkan pemikiran dengan gejala-gejala serta tanda-tanda yang wujud di alam ini.²⁶⁶ Firman Allah SWT:

أَوْلَمْ يَرَى الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا فَقَرْبًا لَّهُمَا وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلُّ شَيْءٍ حَيٌّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ (٣٠) وَجَعَلْنَا فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيًّا أَنْ تَمِيدَ بِهِمْ وَجَعَلْنَا فِيهَا فَجَاجًا سُبْلًا لَّعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ (٣١) وَجَعَلْنَا السَّمَاوَاتِ سَقْفًا مَحْفُوظًا وَهُمْ عَنْ آيَاتِهَا مُغَرَّضُونَ (٣٢)

Surah al-Anbiyā' (21): 30-33.

Maksudnya:

"Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?. Dan Kami telah menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya, supaya bumi itu tidak menggegar mereka; dan Kami jadikan padanya celah-celah sebagai jalan-jalan lalu-lalang, supaya mereka dapat sampai kepada mencapai keperluan rohani dan jasmani. Dan Kami telah menjadikan langit sebagai bumbung yang terpelihara dan terkawal, sedang mereka (yang kafir itu) berpaling tidak memerhatikan tanda-tanda (kekuasaan Kami) yang ada padanya."

Begitu juga firman-Nya:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضَيَّاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لَعَلَمُوا عَدَدَ السَّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفْصِلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

²⁶⁶ Syadid (1994). *op.cit.*, h. 114-115

(٥) إِنَّ فِي اخْتِلَافِ النَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

(٦) لِلَّا يَعْلَمُونَ

Surah Yūnus (10): 5-6.

Maksudnya:

“Dia-Lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia-Lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah SWT tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah SWT menjelaskan ayat-ayat-Nya (tanda-tanda kebesaran-Nya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikan-Nya). Sesungguhnya pada pertukaran malam dan siang silih berganti, dan pada segala yang dijadikan oleh Allah SWT di langit dan di bumi, ada tanda-tanda (yang menunjukkan undang-undang dan peraturan Allah SWT) kepada kaum yang mahu bertakwa.”

Metodologi yang praktik dan realistik ini muncul untuk mendorong kepada alam “rasa” dan “cuba” serta menjauhkan manusia dari metodologi pemikiran semata-mata yang tidak memberi tempat kepada pemerhatian dan tidak mendorong melahirkan daya kreativiti atau inovasi, sehingga mereka tidak dapat melaksanakan risalah dan tanggungjawab di bumi ini.²⁶⁷

Keunikan Islam yang memiliki sifat realistik dapat dilihat dengan jelas dalam beberapa aspek seperti berikut:

²⁶⁷ Syadid (1994). *op.cit.*, h.114-115.

4.2.4(a)] Akidah yang realiti

Akidah yang dibawa oleh Islam merupakan akidah yang bersifat realiti. Ia membenarkan dan mempertahankan segala perkara yang ada di alam ini tanpa memberikan gambaran yang keliru dan tidak menganggapnya sebagai suatu imaginasi pemikiran semata-mata. Akidahnya bukan sahaja diterima oleh akal, malah boleh memberi ketenangan hidup kepada manusia dan sesuai dengan fitrahnya. Akidah Islam menyeru manusia beriman kepada Tuhan Yang Esa dan menunjukkan bukti-bukti mengenai-Nya berdasarkan kepada ayat-ayat suci al-Qur'an yang berkaitan dengan kejadian alam, diri manusia dan sebagainya,²⁶⁸ sebagaimana firman Allah SWT seperti berikut:

سُرِّيْهُمْ آيَاتِنَا فِي الْاَقَارِبِ وَفِي اَنْتُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ اَنَّهُ الْحَقُّ اُولَئِكُمْ يَكْفُفُ
بِرَبِّكُمْ اَللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ (٥٣)
Surah Fuṣilat (41): 53.

Maksudnya:

"Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?"

²⁶⁸ Al-Qaraḍāwī (1996), *op.cit.*, h. 106.

Bumi ini merupakan gelanggang yang luas serta pameran besar, yang memperlihatkan kekuasaan Allah SWT. Manusia itu sendiri sebenarnya merupakan tanda kekuasaan Allah SWT yang terbesar. Tanda-tanda tersebut ada dilihat pada tubuh badan, roh dan jiwa.²⁶⁹ Firman Allah SWT:

وَفِي الْأَرْضِ آيَاتٌ لِّلْمُوقِنِينَ (٢٠) وَفِي أَنفُسِكُمْ أَفَلَا يُبَصِّرُونَ (٢١)
Surah al-Dhāriyāt (52): 20-21.

Maksudnya:

"Dan pada bumi ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah SWT) bagi orang-orang (yang mau mencapai pengetahuan) yang yakin, Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mau melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?"

Selain itu, al-Qur'an juga turut menyifatkan keesaan Allah SWT melalui sifat-sifat dan nama-nama-Nya yang mulia. Malah para falsafah turut mengakui kesemua sifat dan nama-Nya sebagaimana manusia biasa yang lain. Akidah *Islāmiyyah* turut menyeru manusia beriman dengan kebangkitan Nabi SAW sebagai Nabi yang terakhir. Rasulullah SAW bukan sekadar menjadi suri teladan kepada seluruh manusia, malah misinya juga adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.²⁷⁰

²⁶⁹ Shadid (1994), *op.cit.*, h. 63-64.

²⁷⁰ Al-Qaraḍāwī (1977), *op.cit.*, h. 153.

Di samping itu, akidah *Islāniyyah* juga menyeru manusia supaya beriman dengan kehidupan lain selepas kehidupan ini. Suatu kehidupan yang dibalas segala perbuatan manusia sama ada baik, buruk, pahala, dosa dan ditentukan kesudahan hidupnya sama ada di syurga atau di neraka.²⁷¹

4.2.4(b)] Ibadah yang realiti

Kedatangan Islam juga membawa ibadah yang realistik. Ianya bertepatan dengan kehendak rohani manusia yang sentiasa memerlukan hubungan dengan Allah SWT sebagai pencipta. Justeru itu, manusia mestilah melaksanakan pelbagai bentuk ibadah menurut apa yang disyariatkan oleh Allah SWT. Sungguhpun begitu, Islam tetap menghormati kemampuan manusia yang amat terbatas dan tidak memberatkan umatnya melaksanakan apa yang tidak mampu dilakukannya.²⁷² Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَا تَكْلِفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا أَوْ لَئِكَ أَصْحَابُ
الْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (٤٢)

Surah al-A'raf (7): 42.

Maksudnya:

"Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh (dengan tidak menjadi keberatan kepada mereka, kerana) Kami tidak

²⁷¹ Al-Qarađāwī (1977), *op.cit.*, h. 153.

²⁷² *Ibid.*, h. 155.

memberati diri seseorang (dengan kewajipan) melainkan sekadar yang terdaya olehnya, merekalah ahli Syurga, mereka kekal di dalamnya”.

Firman-Nya lagi:

وَلَا تَقْرِبُوا مَالَ الْيَتَيمِ إِلَّا بِالْيَتِيمِ هِيَ أَحْسَنُ حَتَّى يَلْعَجَ أَشْدَهُ وَأَوْفُوا الْكُلُولَ
وَالْمِيزَانَ بِالْقُسْطِ لَا تُكْلِفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا وَإِذَا قُسْطْمَ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا
قُرْبَىٰ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ذَلِكُمْ وَصَاحِبُكُمْ بِهِ تَعْلَمُمْ تَذَكَّرُونَ (١٥٢)

Surah al-Anām (6): 152.

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah segala sukatuan dan timbangan dengan adil”. Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajipan melainkan sekadar kesanggupannya” dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu); dan perjanjian (perintah-perintah) Allah SWT hendaklah kamu sempurnakan. Dengan yang demikian itulah Allah SWT perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhi-Nya)”.

Islam juga turut mementingkan kehidupan yang harmoni dalam sesbuah institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan. Oleh sebab itu, Islam mewajibkan setiap umatnya berusaha dan bekerja bagi keselesaan hidup mereka. Bukan itu sahaja, Islam tidak meminta umatnya supaya kehidupan mereka tertumpu kepada ibadah semata-mata seperti pendita-pendita yang tinggal di dalam rumah. Sebaliknya,

diwajibkan kepada mereka melakukan ibadah-ibadah yang tertentu sahaja bagi membolehkan mereka berhubung dengan Allah SWT.²⁷³

Selain daripada itu, Islam juga mempelbagaikan bentuk tuntutan ibadah supaya manusia tidak berasa jemu melaksanakannya. Perasaan jemu ini merupakan tabiat semulajadi manusia. Oleh kerana itu, terdapat bentuk ibadah yang menggunakan jasmani mereka seperti sembahyang dan puasa. Ada pula ibadah yang memerlukan harta mereka seperti zakat dan sedekah. Terdapat juga ibadah yang mesti dilaksanakan setiap hari seperti sembahyang, ibadah yang mesti dilakukan setiap tahun atau tiba masanya seperti puasa dan zakat dan ibadah yang mesti dilakukan sekali sahaja seumur hidup seperti mengerjakan haji. Sesiapa yang ingin menambahkan lagi kebaikan dan menghampirkan diri mereka kepada Allah SWT, maka mereka perlukan melaksanakan ibadah-ibadah sunat sebagaimana yang telah disyariatkan.²⁷⁴

Di samping itu, Islam turut memberi kemudahan atau *rukhsah* kepada umatnya dalam melaksanakan ibadah contohnya ketika sakit atau musafir. Mereka diberi banyak pilihan supaya ibadah tersebut dapat dilaksanakan. Antaranya ialah bagi orang yang sakit, dia boleh mengerjakan sembahyang dalam keadaan duduk atau baring mengikut kemampuan mereka. Bagi orang yang luka, mereka dibolehkan

²⁷³ Al-Qaradāwī (1977), *op.cit.*, h.155.

²⁷⁴ Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 155.

menggunakan tayammum bagi menggantikan air untuk berwuduk Selain itu, bagi orang yang sakit juga, mereka dibolehkan berbuka puasa dan diwajibkan kepada mereka untuk menggantikannya.²⁷⁵

3

4.2.4(c)] Akhlak yang realiti

Keistimewaan akhlak Islam ialah kerana ianya memiliki sifat realiti. Ini kerana, perintah dan larangan Islam tidak dituju untuk manusia yang tinggal di menara gading atau orang-orang yang terbang di awang-awangan idealisma. Sebaliknya, ia dituju kepada manusia yang berjalan di permukaan bumi. Mereka mempunyai dorongan, nafsu, keinginan dan cita-cita. Mereka mempunyai kepentingan dan keperluan serta hasrat yang boleh merentap mereka jatuh ke bumi dan keasyikan kerohanian yang boleh melonjak mereka ke langit.²⁷⁶

Oleh sebab itu, sifat realiti yang dimiliki oleh akhlak Islam, bukan hanya mengakui kelemahan mereka, bahkan membimbing mereka supaya dapat menjalani kehidupan ini dengan lebih sempurna. Akhlak Islam yang realiti juga, tidak mewajibkan mereka yang ingin memeluk agama Islam, meninggalkan kemewahan dan kekayaan mereka, sebagaimana yang diceritakan dalam kitab Injil mengenai *al-Masih*. Isa berkata kepada sesiapa yang mahu mengikutnya: "*Jualah harta kamu*

²⁷⁵ Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 155.

²⁷⁶ *Ibid.*, h. 102.

dan ikutilah daku" Sebaliknya, Islam menghormati kehendak individu dan masyarakat yang memerlukan kepada harta serta memerintahkan mereka menjaga dan menambahkannya. Allah SWT menguji mereka dengan pelbagai bentuk ujian terhadap nikmat harta dan kekayaan.²⁷⁷

Antara bukti akhlak Islam berdasarkan kepada realiti ialah ia tidak mewajibkan orang-orang yang beriman dan bertakwa menjadi malaikat yang bersayap, yang jiwa mereka tidak pernah tergoda walau seharipun dengan kejahatan dan mereka selama-lamanya tidak akan melakukan kejahatan. Tidak boleh dipersalahkan jika manusia melakukan dosa, kemudian dia bertaubat. Hanya yang boleh dipersalahkan ialah jika dia berterusan berada di dalam dosa, kejahatan dan kemaksiatan.²⁷⁸

Akhlik Islam yang realistik ini juga mengakui bahawa semua manusia tidak mempunyai kedudukan atau martabat yang sama dari segi kekuatan iman dan iltizam mereka dalam melaksanakan setiap suruhan Allah SWT. Ada di antara mereka berada di martabat Islam dan ada pula berada di martabat Iman serta Ihsan. Dalam peperangan pula, akhlak Islamiyyah mendidik umatnya supaya tidak memusnahkan bangunan-bangunan, membakar pokok-pokok dan sebagainya.

²⁷⁷Al-Qaradāwī (1977), *op.cit.*, h. 156.

²⁷⁸Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 103.

4.2.4(d)] Perundangan yang realiti.

Tarbiyyah Harakiyyah menjelaskan bahawa Islam adalah perundangan yang berdasarkan realiti. Sifat realiti ini merupakan antara keistimewaan perundangan di dalam Islam. Islam tidak mengabaikan realiti dalam setiap perkara yang dihalalkan atau diharamkannya. Ia tidak menyingkirkan realiti ini di dalam mana-mana ketetapannya sama ada sistem dan peraturan individu, keluarga, masyarakat, negara serta seluruh manusia.²⁷⁹ Contoh dan ulasan terhadap sifat ini adalah seperti berikut.

a) Realiti dalam penghalalan dan pengharaman

Islam tidak pernah mengharamkan sesuatu yang diperlukan oleh manusia dalam realiti kehidupannya sebaliknya ia tidak pernah mengharuskan baginya sesuatu yang memudaratkannya dalam realiti kehidupannya. Justeru, al-Qur'an mempolak pengharaman perhiasan dan benda-benda baik dengan menjelaskan keharusannya dengan syarat bersederhana, berhemat dan tidak berlebih-lebihan menggunakannya,²⁸⁰ Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا أَكْدَمُوا زِينَتُكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُّوا وَاشْرِبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ (٣١) قُلْ مَنْ حَرَمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالظَّيَّابَاتِ

²⁷⁹ Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 122.

²⁸⁰ *Ibid.*, h. 103.

مِنْ الرَّزْقِ قُلْ هِيَ لِلّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةٌ يَوْمُ الْقِيَامَةِ كَذَلِكَ
لُفَضْلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ (٣٢)

Surah al-Araf (7): 31-32.

Maksudnya:

"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampaui; sesungguhnya Allah SWT tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas. Katakanlah (wahai Muhammad): "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah SWT yang telah dikeluarkan-Nya untuk hamba-hamba-Nya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakan-Nya?" Katakanlah: "Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang-orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang-orang yang beriman sahaja) pada hari kiamat". Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang-orang yang (mahu) mengetahui."

Syariat Islam memelihara fitrah manusia dalam kecenderungannya terhadap hiburan serta kerehatan jiwa. Lalu Islam memberikan kelonggoran sebahagian jenis hiburan seperti perlumbaan, permainan berkuda dan seumpamanya, jika tidak disertakan dengan judi dan perkara-perkara haram serta tidak menghalang dari mengingati dan melaksanakan perintah Allah SWT. Begitu juga pada hari-hari kebesaran seperti kenduri kahwin dan hari raya.²⁸¹

²⁸¹ Al-Qarađāwī (1996), *op.cit.*, h. 123.

Pernah berlaku apabila dua gadis hamba bernyanyi di hadapan Aisyah di dalam kediaman Rasulullah SAW. Abu Bakar telah mengherdik mereka. Lalu Rasulullah SAW bersabda:

§

"Biarkanlah mereka wahai Abu Bakar. Sesungguhnya hari ini adalah hari raya". Baginda SAW juga pernah bersabda pada suatu hari: "Agar orang-orang Yahudi mengetahui bahawa di dalam agama kita terdapat kelonggaran. Sesungguhnya aku diutuskan dengan agama yang benar dan toleran".

Syariat Islam juga memelihara fitrah wanita dan tabiatnya yang sukaakan perhiasan dan keinginan untuk berhias. Oleh sebab itu, syariat Islam mengharuskan bagi wanita sebahagian perkara yang diharamkan ke atas lelaki seperti berhias dengan emas serta memakai sutera.²⁸²

b) Realiti dalam kelonggaran perkara-perkara yang diharamkan

Islam memberikan kelonggaran menggunakan perkara-perkara haram menurut kadar daruratnya. Ahli-ahli fiqh telah menetapkan bahawa "*keadaan-keadaan darurat mengharuskan perkara-perkara haram*" bersandarkan apa yang disebutkan di dalam al-Qur'an ketika menyebutkan tentang makanan yang diharamkan.²⁸³ Firman Allah SWT:

²⁸² Al-Qaradāwī (1996), *op.cit.*, h. 123.

²⁸³ *Ibid.*

وَمَا لَكُمْ أَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَلَ لَكُمْ مَا حَرَمَ عَنِّيْكُمْ
إِلَّا مَا اضْطُرْتُمْ إِلَيْهِ وَإِنْ كَثِيرًا لَكَسْلُونَ بِأَهْوَائِهِمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنْ رَبُّكَ هُوَ
أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِينَ (١١٩)

Surah al-Anām (6): 119.

Maksudnya:

"Dan tidak ada sebab bagi kamu, (yang menjadikan) kamu tidak mahu makan dari (sejbelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah SWT ketika menyembelihnya, padahal Allah SWT telah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkan-Nya atas kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya? Dan sesungguhnya kebanyakan manusia hendak menyesatkan dengan hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia-Lah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang melampaui batas".

Firman Allah SWT lagi:

إِنَّمَا حَرَمَ عَنِّيْكُمُ الْمُتَبَّةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِتَرِيرِ وَمَا أَهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ
اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغِعٍ وَلَا عَادِ فِيْنَ اللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ (١١٥)

Surah al-Nahl (16): 115.

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah SWT hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang yang disembelih tidak kerana Allah SWT maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu, maka

(tidaklah ia berdosa), sesungguhnya Allah SWT Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

c) Realiti dalam menghilangkan kesulitan dan memberikan kemudahan

Antara keistimewaan perundangan Islam ialah ianya memberi kemudahan dan menghilangkan kesulitan. Kemudahan ini merupakan roh (jiwa) yang mengalir dalam segenap tubuh seperti mengalirnya getah pokok di dalam ranting-ranting pokok yang hidup. Kemudahan ini adalah berdasarkan pertimbangan kelemahan manusia, beratnya tanggungjawab, pelbagai kesibukan, tekanan hidup serta keperluannya.²⁸⁴

Allah SWT Maha Pengasih dan Penyayang. Dia tidak memberatkan hamba-hamba-Nya. Sebaliknya, Dia hanya mahukan kebaikan, kebahagiaan dan keelegaan di dunia dan di akhirat. Selain itu, Islam bukannya datang untuk sesuatu lapisan masyarakat, atau sesuatu daerah, atau untuk sesuatu zaman. Sebaliknya ia datang secara umum meliputi sekalian manusia, di setiap inci permukaan bumi, pada setiap zaman dan generasi. Sistem yang memiliki sifat yang seumum dan seluas ini mestilah cenderung kepada kemudahan dan keringanan untuk merangkumi setiap manusia sekalipun mereka berbeza tempat, masa dan keadaan.²⁸⁵

²⁸⁴ Al-Qarađāwī (1977), *op.cit.*, h. 167.

²⁸⁵ Al-Qarađāwī (1996), *op.cit.*, h. 126.

Al-Qur'an dipermudahkan untuk diingati. Akidah dipermudahkan untuk difahami. Sementara syariat dipermudahkan untuk dilaksanakan. Tiada sebarang hukum di dalamnya yang terkeluar dari kemampuan mukalaf. Al-Qur'an telah mengisyiharkan hakikat ini dalam banyak ayatnya.²⁸⁶ Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرِبُوا مَالَ الْيَتَمِ إِلَّا بِالْيَتِيمِ هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَتَلَغَّ أَشْدَدَهُ وَأَوْفُوا الْكَيْلَ
وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ لَا تُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدُلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا
فُرْتَبَىٰ وَبِعِهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ذَلِكُمْ وَصَاعِدُكُمْ بِهِ لَعْلُكُمْ تَذَكَّرُونَ (١٥٢)

Surah al-An'ām (6): 152.

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah segala sukat dan timbangan dengan adil". Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajipan melainkan sekadar kesanggupannya" dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu); dan perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan. Dengan yang demikian itulah Allah SWT perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhi-Nya)".

²⁸⁶ Al-Qarađāwī (1977), *op.cit.*, h. 167.

Allah SWT berfirman lagi:

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَا يُكَلِّفُنَّفْسًا إِلَّا وَسْعَهَا أَوْلَئِكَ أَصْحَابُ
الْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (٤٢)

Surah al-A'raf (7): 42.

Maksudnya:

"Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh (dengan tidak menjadi keberatan kepada mereka, kerana) Kami tidak memberati diri seseorang (dengan kewajipan) melainkan sekadar yang terdaya olehnya. merekalah ahli Syurga, mereka kekal di dalamnya".

Firman-Nya lagi:

فَإِنْ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا (٥) إِنْ مَعَ الْغُسْرِ يُسْرًا (٦)

Surah al-Insyirāh (94): 5-6.

Maksudnya:

"Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahwa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. (Sekali lagi ditegaskan): bahwa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan".

Rasulullah SAW juga turut menyokong pendekatan ke arah keringanan yang terdapat di dalam al-Qur'an.²⁸⁷ Antaranya ialah sabda Rasulullah SAW:

²⁸⁷ Al-Qaradāwī (1977), *op.cit.*, h. 168.

أَحَبُّ الدِّيَنِ إِلَى اللَّهِ الْجِنَفِيَّةُ السَّمْخَةُ

Maksudnya:

"Agama yang paling disukai oleh Allah SWT ialah agama yang benar dan toleran".²⁸⁸

فَإِنَّمَا بُعْثِنْ مُسَرِّبِينَ وَلَمْ تَبْتَعْ—وَمُعَسِّرِينَ

Maksudnya:

"Sesungguhnya kamu diutuskan sebagai kaum yang mempermudahkan dan kamu bukan diutuskan sebagai kaum yang mempersulitkan".²⁸⁹

4.2.5 Tarbiah yang bersifat Amali

Tarbiyyah Harakiyyah yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di zaman Mekah merupakan tarbiah yang berbentuk amali atau praktikal. Sumbernya adalah al-Qur'an al-Karim yang merupakan sesuatu yang amat dihajati. Pada peringkat permulaan dakwah Islam, penyampaian al-Qur'an disempurnakan di rumah al-Ärqam. Penambahan ayat-ayat al-Qur'an yang disampaikan oleh Rasulullah SAW

²⁸⁸ Al-'Asqalānī (1987), *op.cit.*, h. 22.

²⁸⁹ *Ibid.* Kitāb al-Wuḍū'. Bāb Ṣabb al-Mā' 'alā al-Bawl fī al-Masjid, no. hadis 220, j. 1. h. 386.

kepada para muslimin setiap kali mereka beredar dari rumah tersebut, sudah cukup menghidupkan generasi al-Qur'an yang tiada bandingan.²⁹⁰

Generasi ini tidak pernah menyampaikan sesuatu melainkan dari al-Qur'an atau hadis Rasulullah SAW. Melalui ayat-ayat tersebut, maka tercabutlah setiap unsur jahiliah, pegangan dan status mereka serta mengalir dalam hati mereka makna baru yang datang dari Allah SWT, Tuhan Semesta Alam. Perjumpaan harian yang berterusan inilah yang mengubah kedudukan mereka dan beramal dengan wahyu Allah SWT serta menjadi manusia baru bukan seperti sebelumnya.²⁹¹

Rasulullah SAW sebagai ketua tarbiah telah menekankan peringkat ini kepada penumpuan terhadap al-Qur'an. Generasi ini buta huruf, tidak tahu membaca dan menulis, tidak pernah terdedah mengenai tamadun manusia yang bercampur aduk di dalamnya antara kebenaran dan kebatilan. Mereka hidup dengan penuh bahagia berdasarkan wahyu Allah SWT semata-mata yang disampaikan melalui Rasulullah SAW.²⁹²

Allah SWT menjadikan al-Qur'an yang bermukjizat itu sebagai dasar dan perundangan untuk semua hamba-Nya dan mengajar rasul-Nya yang diutus untuk

²⁹⁰ Muhammad Munir al-Qabbani (t.t), *Manhaj Haraki Dalam Sirah Nabi SAW*, Taib Azamudin (terj.). Kedah: Pustaka Darussalam Sdn Bhd, h. 35.

²⁹¹ *Ibid.*

²⁹² *Ibid.*, h. 35-36.

menyampaikan perutusan langit kepada umat-umat di muka bumi ini, supaya dia terlebih dahulu bersifat dengan kemuncak sifat kesempurnaan dari segi rohani, moral dan mental. Sesudah itu, mudahlah bagi manusia dapat menjadikannya tauladan hidup, mempelajari daripadanya dan menerima seruannya.²⁹³

Lantaran itu, Allah SWT telah mengutus Nabi Muhammad SAW untuk menjadi contoh teladan yang baik kepada kaum muslimin dan pembimbing kepada seluruh bangsa manusia pada setiap zaman dan tempat.²⁹⁴ Allah SWT telah berfirman:

الَّذِينَ يَقْرَءُونَ الرَّوْسُولَ الَّتِي أَنْبَيْتَهُ مُكْتُوبًا عَنْهُمْ فِي التُّورَاةِ
وَالْإِنجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيَحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيَحْرَمُ
عَلَيْهِمُ الْعَبَاتِ وَيَضْعُفُ عَنْهُمْ إِصْرَارُهُمْ وَالْأَخْلَالُ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَالَّذِينَ
آتَئُوا بِهِ وَغَرَّوْهُ وَنَصَرُوهُ وَأَتَيْعُوا النُّورَ الَّذِي أَنْزَلَ مَعَهُ أُولَئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ (١٥٧) قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جِمِيعًا الَّذِي لَهُ
مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يَخْيِي وَيَمْبَيْتُ فَامْتُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ
الَّتِي أَنْبَيْتَهُ مُكْتُوبًا عَنْهُمْ فِي التُّورَاةِ وَالْإِنجِيلِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ (١٥٨)

Surah al-Araf (7): 157-158.

²⁹³ Abdullah Nasih Ulwan (1997), *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*, Syed Ahmad Semait (terj.). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, j. 2, c. 7, h. 141.

²⁹⁴ *Ibid.*

Maksudnya:

"Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad SAW) Nabi yang Ummi, yang mereka dapat tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya. Katakanlah (wahai Muhammad SAW): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah SWT kepada kamu semuanya, (di utus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah SWT dan Kalimah-kalimah-Nya (Kitab-kitab-Nya); dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk."

Uswah atau teladan yang baik ini akan semakin jelas kelihatan dalam amaliah Rasulullah SAW.²⁹⁵ Melalui contoh teladan yang ditunjukkan olehnya dan penekanan terhadap perlaksanaan semua ajarannya, baginda SAW berjaya mentaribiah, membimbing dan membentuk para sahabat menjadi umat yang terbaik dan dicontohi oleh umat-umat yang lain sehingga ke generasi hari ini.

²⁹⁵ Al-Qabban (t.t), *op.cit.*, h. xiii.

Perlaksanaan atau praktikal terhadap semua ajaran Islam adalah sangat penting kerana Islam tidak mahukan ajaran-ajarannya itu hanya semata-mata idea yang terbenam di dalam kepala tetapi Islam mahukan idea tersebut dikaitkan dengan perlaksanaan dan teori dengan praktikal.²⁹⁶ Terdapat beberapa aspek lain yang menunjukkan contoh *Tarbiyyah Harakiyyah* yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di zaman *Makkī* yang berbentuk amali atau praktikal. Antaranya ialah:

4.2.5(a)] Aspek akidah

Rasulullah SAW dapat mengubah umatnya dari penyembah berhala dan patung, melakukan syirik dan kufur kepada menjadi umat yang berakidah tauhid dan mengesakan Allah SWT.²⁹⁷ Namun di sebalik itu, mereka terpaksa belajar bersabar, berkorban, menanggung penderitaan dan penyeksaan demi mempertahankan akidah mereka yang suci ini.

Keimanan dan kepercayaan mereka terhadap Allah SWT dan Rasul-Nya, tidak cukup hanya dengan lidah dan mulut sahaja, tetapi mesti dipertahankan dan dizahirkannya dengan amalan yang ikhlas. Di peringkat permulaan dakwah Islam,

²⁹⁶ Yusuf al-Qaradāwī (1993), *Malāmih al-Mujtama^c Alladhī Nansyuduh*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 144.

²⁹⁷ Sayid Sabiq (1999), *Aqidah Islam Pola Hidup Manusia Beriman*, M. Abdai Rathomy (terj.). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd., c. 4, h. 13.

setiap kabilah telah melancarkan berbagai-bagai seksaan ke atas anak-anak dan hamba-hamba mereka yang Islam, dengan harapan agar mereka keluar dari agama Allah SWT serta menghalang mereka dari berpegang dengan agama-Nya.²⁹⁸

3

Antara contohnya ialah apabila Abu Jahal mendengar seorang lelaki yang mempunyai kedudukan dan kemuliaan memeluk agama Islam, diugut dengan kerugian yang besar dalam harta benda dan sekurang-kurangnya jika dia seorang yang lemah akan dipukul dan dizalimi. Manakala bapa saudara ⁹Uthmān bin ⁹Affān telah mengikat ⁹Uthmān dalam lambakan pelepas tamar dan kemudiannya dibakar lambakan itu dari bawah.²⁹⁹

Apabila Ibn Mus^cab bin ⁹Umair tahu tentang keislaman anaknya, Mus^cab tidak diberi makan, dihalau dari rumah di mana sebelumnya beliau adalah antara orang yang hidup dalam kemewahan dan kulitnya lembut laksana buah. Bilal iaitu hamba kepada ⁹Umayyah bin Khalaf telah diikat tali ditengkuknya oleh ⁹Umayyah, lalu diberikan kepada kanak-kanak di mana mereka mengheretnya mengelilingi bukit-bukit sekitar Mekah sehingga nampak jelas kesan tali ditengkuknya.³⁰⁰

²⁹⁸ Al-Qabban (t.t), *op.cit.*, h. 45-46.

²⁹⁹ *Ibid.*, h. 46.

³⁰⁰ *Ibid.*

4.2.5(b)] Aspek Kerohanian

Tidak ada satu pun yang paling banyak memberikan kesan kepada jiwa dalam peringkat awal pembinaan generasi para sahabat selain daripada memberikan penumpuan kepada ibadah, ketaatan dan kerja-kerja sunat yang menghubungkan hati dengan Allah SWT, menjadikan lebih utama daripada ujian, menjauhkan fitnah dan bertambah yakin dengan kebenaran.³⁰¹

Dalam hal ini, Rasulullah SAW sendiri terlebih dahulu mendapat pentarbjahan secara langsung dari Allah SWT. Contohnya seperti berikut:

"Al-Bazzār telah meriwayatkan daripada Muhammād bin 'Aqīl bin Jābir, katanya: Orang-orang Quraisy telah berkumpul di Dār al-Nadwah, mereka berkata: Kita gelarkan lelaki ini (Rasulullah SAW) dengan satu gelaran yang membolehkan orang ramai membencinya. Antara mereka berkata: "Kita gelarkannya sebagai tukang tilik". Lalu berkata yang lain: "Tidak! Dia bukan tukang tilik". Yang lain pula berkata: "Kita katakan dia sebagai orang gila". Yang lain pula mencelah: "Dia bukan orang gila". Sebahagian yang lain pula berkata: "Kita gelarkannya sebagai tukang sihir". Jawa'i pula di antara mereka: "Tidak! Dia bukan tukang sihir". Maka, berpecah-belah orang-orang musyrik kerana itu. Berita ini kemudiannya sampai kepada Rasulullah SAW, lalu baginda SAW menyarung pakaianya dan berselimut. Jibril a.s. mendatanginya sambil berseru: "Wahai orang yang berselimut", "Wahai orang yang berselubung".³⁰²

³⁰¹ Al-Qabban (t.t), *op.cit.*, h. 39.

³⁰² Al-Suyūfi (2000), *op.cit.*, h. 317.

Begitu juga sepihiknya yang diriwayatkan oleh al-Imām Ahmad daripada Aisyah r.anha, katanya: "Sesungguhnya Allah SWT menfardukan bangun malam pada awal surah ini. Maka Rasulullah SAW dan para sahabatnya bersungguh-sungguh melakukannya sehingga bengkak kaki mereka. Allah SWT terus memegang akhir ayat surah ini di langit sehingga 12 bulan lalu, kemudiannya menurunkan perintah meringankannya dalam akhir surah tersebut dan jadilah bangun malam ini suatu amalan yang sunat selepas kefarduannya.³⁰³

Bangun malam difardukan pada peringkat permulaan sebagai satu pentarbiahan yang keras terhadap kepatuhan dan ketiaatan kepada perintah Allah SWT yang berterusan genap setahun. Ianya bukanlah matlamat yang sebenarnya dan bukanlah bertujuan menyeksa hamba-hamba-Nya dengan sesuatu, tetapi ianya adalah satu tarbiah keimanan yang menghubungkan keyakinan terhadap Allah SWT. Ia juga sebagai satu jalan mendekatkan diri, berzikir, beribadah dan bertawakal kepada-Nya.³⁰⁴

³⁰³ Muhammad Nasib ar-Rifa'i (2000), *Kemudahan Dari Allah Ringkasan Tafsir Ibnu Katsir*, Syihabuddin (terj.). Jakarta: Gema Insani, j. 4, h. 842-843.

³⁰⁴ Al-Qabban (t.t), *op.cit.*, h. 39-40.

Firman Allah SWT:

وَإِذْكُرْ اسْمَ رَبِّكَ وَتَبَّلُّ إِلَيْهِ تَبَّيِّلًا (٨) رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ لَا إِلَهَ
إِلَّا هُوَ فَاتَّحْدُهُ وَكِيلًا (٩)

Surah al-Muzzammil (73): 8-9.

Maksudnya:

"Dan sebutlah (dengan lidah dan hati) akan nama Tuhanmu (terus menerus siang dan malam), serta tumpukanlah (amal ibadatmu) kepada-Nya dengan sebulat-bulat tumpuan. Dia-Lah Tuhan yang menguasai timur dan barat; tiada Tuhan melainkan Dia; maka jadikanlah Dia Penjaga yang menyempurnakan urusanmu".

4.2.5(c)] Memenuhi tanggungjawab dan menepati janji

Nabi Muhammad SAW juga mengajar pengikutnya supaya memenuhi janji dan tanggungjawab mereka apabila berjanji atau diberi tanggungjawab. Baginda SAW menasihati orang Islam supaya menepati janji mereka dan mengutuk orang yang melakukan sebaliknya. Baginda SAW bersabda bahawa apabila sahaja orang yang beriman membuat satu-satu perjanjian, dia mesti menepatinya, manakala seorang yang suka berpura-pura membuat satu-satu perjanjian, dia akan memungkirinya.³⁰⁵

³⁰⁵ Afzalur Rahman (2000), *op.cit.*, j. 4. h. 360-361.

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ (٣٢)

Surah al-Mâ'ārij (70): 32.

Maksudnya:

"Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya"

Firman Allah SWT lagi:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ (٨) وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ
يُحَافِظُونَ (٩) أُولَئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ (١٠) الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا
خَالِدُونَ (١١)

Sural al-Mu'minûn (23): 8-11.

Maksudnya:

"Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya. Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya; Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi, yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya".

4.2.5(d)] Saling tolong-menolong dan sayang-menayangi

Semenjak awal kemunculan dakwah Islam di Mekah, ketika bilangan umat Islam kecil dan ditindas, mereka tidak mempunyai sebarang entiti dan kuasa autopomi. Ketika itu, Rasulullah SAW menyeru umatnya melalui ayat-ayat suci al-Qur'an supaya bekerjasama dan menjadikan masyarakat sebagai sebuah keluarga di mana yang kaya akan mencukupkan yang miskin dan menanggung yang fakir.³⁰⁶

Al-Qur'an tidak menjadikan ia sebagai perkara sunat yang hanya dilakukan oleh mereka yang mencapai ketinggian darjat keimanan dan keihsanan tanpa menuntut dilakukannya oleh individu biasa. Sebaliknya al-Qur'an menganggapnya sebagai perkara utama yang menjadi tiang utama. Seseorang itu tidak akan mendapat keredaan Allah SWT melainkan dengan melakukannya dan tidak akan terselamat dari azab-Nya jika diabaikannya.³⁰⁷ Firman Allah SWT:

فَلَا اقْتَحِمُ الْعَقَبَةَ (١١) وَمَا أَذْرَكَ مَا الْعَقَبَةُ (١٢) فَكُثُرَةٌ (١٣) أَوْ
إِطْغَامٌ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْنَبَةٍ (١٤) يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ (١٥) أَوْ مُسْكِنًا ذَا مَتْرَبَةٍ
(١٦) ثُمَّ كَانَ مِنَ الظِّنَّ آمَنُوا وَتَوَاصَوْا بِالصَّيْرِ وَتَوَاصَوْا بِالْمَرْحَمَةِ (١٧)

Surah al-Balad (90): 11-17.

³⁰⁶ Al-Qaradāwī (1993), *op.cit.*, h. 152.

³⁰⁷ *Ibid.*, h. 152-153.

Maksudnya:

"Dalam pada itu manusia tidak (memilih jalan kebaikan) merempuh masuk mengerjakan amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan; dan apa jalannya engkau dapat mengetahui: apa dia amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan itu? (Di antara amal-amal itu bagi orang yang mampu) ialah: memerdekaan hamba abdi; Atau memberi makan pada hari kelaparan. Kepada anak yatim dari kaum kerabat, atau kepada orang miskin yang terlantar di atas tanah. Selain dari (tidak mengerjakan amal-amal) itu, ia (tidak pula) menjadi dari orang-orang yang beriman dan berpesan-pesan dengan sabar serta berpesan-pesan dengan kasih sayang."

Firman Allah SWT di dalam ayat yang lain:

كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ (٣٨) إِلَّا أَصْحَابَ الْيَمِينِ (٣٩) فِي جَنَّاتٍ يَسْعَاهُنَّ (٤٠) عَنِ الْمُجْرِمِينَ (٤١) مَا سَلَكُوكُمْ فِي سَقَرَ (٤٢) قَالُوا لَمْ ئَكُُّمْ مِنَ الْمُصَلَّينَ (٤٣) وَلَمْ يَكُُنْ نُطِعْمُ الْمِسْكِينَ (٤٤)

Surah al-Muddaththir (74): 38-44.

Maksudnya:

"Tiap-tiap yang bernaunya bertanggungjawab atas apa yang dilakukannya, kecuali golongan kanan, berada di dalam syurga, mereka saling bertanya tentang keadaan orang-orang yang berdosa. Apakah yang memasukkan kamu ke neraka Saqr?. Mereka menjawab: Kami sahulu tidak termasuk orang-orang yang mengerjakan solat, dan kami tidak memberi makan orang-orang miskin."

4.3 Kesimpulan

Tarbiyyah Harakiyyah yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di Mekah telah berjaya mengubah keadaan dari sebuah masyarakat menyembah berhala kepada masyarakat menyembah Allah SWT. Walaupun dari segi kuantiti yang menjeluk Islam tidak ramai, namun kualiti yang dilahirkan oleh Rasulullah SAW amat membanggakan. Ini adalah hasil daripada bimbingan ayat-ayat *Makkī* yang menjadi asas kepada *Tarbiyyah Harakiyyah*. Keyakinan mereka terhadap akidah Islam bertambah kukuh dan segala penderitaan yang mereka alami tidak sedikitpun mengurangkan atau menghilangkan kepercayaan mereka kepada Allah SWT dan Rasul-Nya SAW.

Oleh kerana itu, Allah SWT telah mengangkat darjah mereka sebagai umat atau generasi Islam yang terbaik dan menjadi teladan kepada umat-umat yang akan datang, sehinggalah ke hari ini. Ia bertitik tolak daripada kesempurnaan, keistimewaan dan keberkesanannya sifat *Tarbiyyah Harakiyyah* yang bersifat Raḥbani, syumul, sederhana dan seimbang, realistik dan amali. Kesemua sifat-sifat ini pula merangkumi aspek akidah, ibadah, akhlak dan perundangan. Ini jelas terbukti daripada paparan ayat-ayat *Makkī* yang menjadi asas atau sumber kepada *Tarbiyyah Harakiyyah* yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di Mekah.